

MEMPERKUKUH PENGHAYATAN BERAGAMA DALAM MASYARAKAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan ulasannya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Peruntukan Belanjawan Tahun 2025 / 2026 yang diperuntukkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Perbelanjaan Biasa sebanyak BND278,601,600 sementara bagi Perbelanjaan Kemajuan sebanyak BND10,836,153 dengan Harga Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 adalah sebanyak BND191,369,155.

Dengan peruntukan yang disokong itu, KHEU akan dapat meneruskan pelaksanaan amanahnya iaitu perkhidmatan agama bagi pengukuhan penghayatan beragama dalam kalangan masyarakat di negara ini dengan visi 'Memperkasakan Perkhidmatan Ugama Yang Berkualiti dan Berinovatif' dan misi 'Mengetarakan Urus Tadbir Perkhidmatan Ugama Secara Berkesan dan Berinovasi Bagi Pembangunan dan Kesejahteraan Negara'.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman



menyatakan demikian semasa menyampaikan ulasannya dalam perbahasan berkenaan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025 / 2026 pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, ia dilaksanakan melalui Lima Teras Strategik yang mendukung Wawasan Brunei 2035 iaitu Pemerkasaan Pendidikan Ugama / Arab Berkualiti (Peneraju Bersama Pendidikan); Penyampaian Perkhidmatan Yang Cepak dan Berinovatif; Dakwah dan Kesejahteraan Sosial Yang Inklusif; Keutuhan Modal Insan Yang Mampan; dan Penerokaan Peluang Pembangunan Ekonomi Yang Dinamik.

>> Muka 8

Tadabbur Surah Al-Baqarah serikan Munajat Ramadan

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan kepada seluruh orang Islam melaksanakan ibadah puasa, bukan sahaja untuk menahan lapar dan dahaga tetapi pada bulan yang penuh berkah, diberi ganjaran di samping dapat menyucikan jiwa dan menahan nafsu syahwat.

Allah Subhanahu Wata'ala juga memberi keringanan kepada mereka yang mengalami kepayahan dalam menunaikan ibadah puasa seperti sakit dan musafir.

Dan turunnya Al-Quran pada bulan Ramadan menunjukkan istimewanya bulan Ramadan daripada bulan-bulan lain dan merupakan waktu terbaik melipatgandakan amalan dengan ganjaran yang berlipat ganda kepada para pembaca ayat-ayat suci Al-Quran.

>> Muka 16

Perkhidmatan cemerlang tunjang pembangunan ekonomi negara

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff menyebarkan ucapan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali



Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia perkenan bagi penyediaan peruntukan sebanyak BND552,343,750.00, iaitu sebanyak BND324,296,400.00 bagi gaji kakitangan dan sebanyak BND228,047,350.00 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang.

>> Muka 9

Hargai, raikan pencapaian wanita

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Sabtu, 8 Mac. - Bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) serta Persatuan Membangun Wanita dan Masyarakat (MAWAR) telah mengadakan Majlis Kesyukuran (Khas Wanita) di Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang

Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Majlis dihadiri oleh sekurang-kurangnya 150 orang yang terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari kementerian-kementerian, Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

>> Muka 16



Berita Utama



MAJLIS Tadarus di Istana Nurul Iman terus disemarakkan

Muka 3



MTIC bertahlil di Kubah Makam Diraja

Muka 13



JPM meneruskan Tadarus di Masjid Pekan Seria

Muka 18



MEMPERKASAKAN wanita, memajukan masyarakat

Muka 21

Pastikan tahap keselamatan sektor pengangkutan, alam siber terjamin dan selamat

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin
Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyarafil
Anbiya'e Wal Mursalin Saidina
Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi
Ajma'in,

Assalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Selamat Pagi,

Kecemerlangan Perkhidmatan

AHLI-ahli Yang Berhormat, aspek utama kedua ialah Kecemerlangan Perkhidmatan (Service Excellence) dan peramba / kaola / saya ingin memulakan fokus kepada Program Pengredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) yang berbandukan kepada program di bawah Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD). Program berkenaan telah pun dijalankan dengan tujuan untuk mengukur tahap prestasi jabatan-jabatan di bawah kementerian ini yang mana membolehkan pengiktirafan atau penghargaan (melalui penarafan bintang) kepada jabatan-jabatan yang jelas telah berusaha dan berjaya melaksanakan urus tadbir yang terbaik.

Sejak tahun 2022, Program 3PSA telah pun dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Teratas (Top 10 KPI) di bawah Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) 2025 Refresh iaitu '3 stars rating in Public Service Performance Grading Programme (3PSA) by 2025'. Setiap Jabatan adalah diperlukan untuk menyediakan perancangan strategik dan pelan tindakan dengan jelas dan komprehensif termasuk mengemaskinikan dokumen - dokumen,

data-data dan proses-proses kerja memandangkan bukti-bukti yang dinilai oleh pihak MSD adalah tiga tahun kebelakangan bagi tujuan untuk memenuhi empat skop penilaian daripada segi Strategi dan Pelaksanaan, Dasar dan Pelaksanaan, Sumber Manusia dan Pemedulian Pelanggan.

Melalui program ini, insyaaAllah, akan menjana impak yang positif ke atas jabatan - jabatan di bawah MTIC terhadap prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Seperti yang dikongsikan awal, skop pengauditan bukan sahaja memfokuskan kepada hal berkaitan pemedulian pelanggan, akan tetapi juga menilai perancangan strategik, dasar dan pelaksanaan serta sumber manusia. Dengan itu, KPI bagi Program 3PSA akan terus dikekalkan dalam Pelan Strategik MTIC yang akan datang dengan tujuan bagi setiap jabatan di bawah MTIC untuk mencapai sekurang-kurangnya tiga bintang dan seterusnya untuk meningkatkan lagi prestasi tahun-tahun selanjutnya.

Seterusnya, beralih kepada Sistem Pengangkutan Awam di negara ini yang sememangnya memerlukan perhatian dan tindakan segera. Pihak MTIC dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) telah mempergiatkan usaha untuk melaksanakan projek berkenaan dan kini dalam status 'Request for Proposal' (RFP) untuk menyediakan, mengendali, mengurus dan menyelenggara perkhidmatan pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam (NBD). Pengiklanan bagi RFP telah pun dikeluarkan pada 28 September 2024 dan akan tutup pada 11 Mac 2025.

Sebelum itu, satu sesi 'Information Day'

telah diadakan pada 5 November 2024 bertujuan untuk menggalakkan penyertaan daripada syarikat yang berkelayakan dengan menyediakan panduan penting untuk membangunkan cadangan komprehensif bagi sistem pengangkutan awam di negara ini. Pada masa yang sama, bagi memastikan syarikat-syarikat yang menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam RFP berkenaan mendapatkan pemahaman yang jelas bagi mewujudkan rangkaian pengangkutan awam yang selamat, boleh dipercayai dan mampan.

Dengan tumpuan yang diperbaharui pada pelaksanaan, MTIC telah mengenal pasti tiga bidang keutamaan :

1. Meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan laluan bas utama;
2. Memperluaskan dan menambahbaikkan liputan teksis atas permintaan (*e-hailing*);
3. Memanfaatkan teknologi melalui Sistem Pengurusan Pengangkutan Pintar.

Inisiatif ini menyokong visi MTIC tentang sistem mobiliti awam tiga peringkat (*three-tier public mobility system*), yang terdiri daripada rangkaian bas utama teras, perkhidmatan pengangkutan bersama dalam lingkungan yang ditetapkan kawasan, dan pilihan teksis *e-hailing* yang fleksibel.

Pada masa yang sama, bagi memastikan usaha-usaha mempertingkatkan dan memperbaiki sistem pengangkutan awam di NBD ada dilaksanakan secara menyeluruh termasuk operasi semasa, keselamatan dan keselesaan orang ramai. Kementerian ini bersama JPD telah melaksanakan pemeriksaan ke atas kenderaan bas-bas awam diikuti dengan perjumpaan bersama semua pemandu. Perjumpaan bersama pengusaha-pengusaha bas awam telah diadakan pada 8 Ogos 2024 yang mana



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berucap pada Sesi Perjumpaan Muhibah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2025, pada Khamis, 13 Februari 2025 di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BAHAGIAN 2

telah membincangkan mengenai keadaan bas awam yang kurang memuaskan. Semasa perjumpaan yang dimaksudkan, kesemua pengusaha-pengusaha bas awam telah diberikan tempoh selama enam bulan untuk melaksanakan pembaikan dan peningkatan terhadap operasi dan keadaan kenderaan bas-bas awam yang digunakan.

>> Muka 15

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASTIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	ISNIN	9	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	SELASA	10	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.44	6.32	7.41
12	RABU	11	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	KHAMIS	12	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	JUMAAT	13	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41
15	SABTU	14	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.41	6.32	7.41
16	AHAD	15	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.40	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 10 MAC 2025

Memperindah Ramadan dengan bertadarus

RAMADAN merupakan bulan bagi umat Islam untuk mengaut pahala dengan ganjarannya yang berlipat ganda. Ramadan yang dipenuhi dengan tuntutan fardu mahupun sunat serta solat fardu berjemaah di masjid-masjid atau surau-surau, bersedekah dan amal jariah, istiqamah dalam membaca Al-Quran dengan menyertai majlis-majlis tadarus, rajin melakukan qiamullail dan ibadah lain seperti bertakbir, bertahmid, bertasbih, berselawat dan memperbanyakkan doa.

Di Negara Brunei Darussalam, majlis-majlis tadarus terus giat diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini dalam meraih pahala yang berlipat kali ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan Ramadan yang mulia ini. Pembacaan Al-Quran yang dilaksanakan dengan cara bergilir-gilir dan saling memperdengarkan bacaan masing-masing dengan menjaga lafaz atau sebutan ayat-ayat Al-Quran, sementara yang mendengar pula berkewajipan untuk mendengar dan menyemak bacaan tersebut. Sekiranya terdapat kesilapan atau kesalahan dalam bacaan, maka orang yang mendengar dan menyemak akan segera memperbetulkannya.

Bahkan tidak dinafikan bertadarus bersama ahli keluarga juga secara tidak langsung mengukuhkan serta mengeratkan lagi hubungan persaudaraan apatah lagi pada bulan Ramadan ini. Ada yang mengambil inisiatif mengumpul keluarga atau kawan-kawan untuk bertadarus dengan membahagikan juzuk-juzuk atau ayat-ayat Al-Quran dalam kalangan mereka untuk dibaca sehingga selesai. Inilah juga salah satu keindahan Ramadan yang perlu diteruskan pada masa-masa akan datang.

Golongan belia merupakan golongan yang majoriti dalam masyarakat sekarang ini perlu dididik dan dibentuk agar mereka akan lahir sebagai generasi Al-Quran yang syumul. Dalam bulan Ramadan ini setentunya bulan terbaik untuk membimbing dan melatih belia-belia untuk ikut sama bertadarus. Dedahkan para belia ini aktiviti bermanfaat terutama sekali semasa bulan Ramadan di mana pahala yang diraih berlipat ganda.

Sesungguhnya tadarus adalah amalan yang penting dilakukan dalam kehidupan umat Islam, bukan hanya pada bulan-bulan tertentu seperti bulan Ramadan. Allah Subhanahu Wata'ala akan memberinya ketenangan dalam hati kerana kebiasaan seseorang yang sering membaca dan memahami makna isi kandungan Al-Quran sehingga jauh daripada rasa sedih dan rasa cemas yang berlebihan.

Oleh kerana itu, mari kita tingkatkan kegiatan tadarus ini dalam kehidupan sehari-hari untuk meraih keberkatan di dalamnya. Sesungguhnya fadilat serta ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang yang membaca Al-Quran itu menyebabkan orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menjadikan Al-Quran sebagai amalan harian. – **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت فلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS TADARUS DI ISTANA NURUL IMAN TERUS DISEMARAKKAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas). Manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, suasana pada majlis tersebut yang diadakan di Surau, Istana Nurul Iman.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan bagi malam ketujuh dengan kehadiran kira-kira 800 orang di dua tempat secara berasingan.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman, malam tadi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri

Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Emran bin Haji Kunchang dan seterusnya mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah.

Seterusnya, majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Fadilat Dua Ayat Terakhir Surah Al-Baqarah' masing-masing disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang

Haji Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang di ruangan jemaah lelaki, manakala Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, KHEU, Dayang Nurhuwaina binti Mamud pula di ruangan jemaah perempuan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pegawai serta guru agama dari Jabatan Pengajian Islam.

Program bertadarus anjuran KKBS semarakkan bulan Ramadan



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

SEKITAR Program Bertadarus Al-Quran di Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong dan dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Seterusnya, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir yang didahului oleh Imam Tingkat I, Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin, dan disusuli dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Selawat Tafriyyah dan Sayyidul Istighfar.

Program diteruskan lagi dengan berbuka puasa dan majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Pengarah-pengarah Bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dan para jemaah Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong.

TUTONG, Sabtu, 8 Mac. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta

jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Program Bertadarus Al-Quran di Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong. Program dikendalikan oleh

Pusat Sejarah Brunei dan Jabatan Muzium-muzium dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Masjid Hassanal Bolkih, Pekan Tutong.

Program Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

KSSUP adakan Majlis Tadarus sempena Ramadan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyerahkan sumbangan wakaf kepada Imam Masjid berkenaan (kanan dan atas).

Berita : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya pada hari ini telah mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan dan Jabatan Perhutanan, bertempat di Masjid

As-Salaam, Kampung Junjongan. Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin. Majlis dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf dari KSSUP yang berupa peralatan-peralatan keperluan masjid kepada Imam Masjid,



Awang Haji Hayrol bin Haji Hakim. Seterusnya bacaan surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai, disudahi dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Tadarus Al-Quran ini merupakan antara kegiatan keagamaan tahunan yang

diadakan pada setiap tahun dalam bulan Ramadan yang diumumkan oleh KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

ia juga bertujuan bagi mengeratkan silaturahmi di antara para pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi mendapatkan keberkatan serta

ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai dan Kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli Takmir Masjid, Ketua Kampung serta penduduk Kampung Junjongan.

MAJLIS TADARUS AL-QURAN ROMBONGAN KHEDN



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa menyampaikan sumbangan wakaf dan seterusnya menyampaikan derma kepada salah seorang penerima (atas dan bawah).



KUALA BELAIT, Sabtu, 8 Mac. - Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-

Jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundangan Mukim dan Kampung Tahun 1446H/2025M di daerah ini diadakan petang tadi bertempat di Masjid Skim Tanah



SEKITAR Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Seria.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Seria. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Atur cara majlis dimulai dengan penyampaian derma kepada seramai tujuh orang anak yatim dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lorong Tengah Seria dan wakaf yang telah disampaikan oleh tetamu kehormat.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan Bacaan Tahliil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan Seria, Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim.

Sebelum mengakhiri majlis, rombongan mengadakan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis seumpamanya bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN

dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim/Kampung dan pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.

Hadir sama, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung Daerah Belait berserta penduduk kampung sekitarnya.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KESEJAHTERAAN, KEBAJIKAN TENAGA PENGAJAR TERUS MENJADI KEUTAMAAN

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Bagi memastikan pelajar berkeperluan khas tidak ketinggalan dalam pelaksanaan pengintegrasian ini, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan antaranya termasuklah memastikan penyediaan guru khas bagi menampung keramaian pelajar berkeperluan khas yang semakin meningkat.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa mengulas isu kedua mengenai Pendidikan Khas pada persidangan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21,

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Bermula tahun 2023, Jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pengambilan guru Pendidikan Khas di Peringkat G1 (56 guru) bagi membantu tenaga pengajar Pendidikan Khas yang sedia ada. Terkini, beberapa lekatan graduan juga telah diambil melalui Program Skim Perantisan Perkhidmatan Awam.

"Selain pelajar, kesejahteraan dan kebajikan tenaga pengajar terus menjadi keutamaan. Alhamdulillah, bermula 1 Januari

2025, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Cuti Ihsan semasa sesi penggal persekolahan mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan," kata Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kaunseling juga giat melaksanakan Program Reach Out Program for Educators (ROPES) yang bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang isu kesihatan dan kesejahteraan mental dalam kalangan para pemimpin sekolah

dan tenaga pengajar. Setakat ini, sebanyak 70 buah sekolah telah menyertainya.

Pada tahun 2024, tambah Yang Berhormat, Bengkel Motivasi telah diadakan dan dihadiri oleh semua tenaga pengajar berjumlah 6,341 oleh pakar di bidang yang berkaitan. Bengkel serupa ini akan dijadikan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan.

"InsyaaAllah, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan tenaga pengajar bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan," ujar Yang Berhormat lagi.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

Pastikan kurikulum IPT sentiasa relevan, penuhi keperluan pasaran kerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Pada persidangan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan bahawa dalam memastikan kurikulum Institut Pengajian Tinggi (IPT) sentiasa relevan dan memenuhi keperluan pasaran kerja, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh IPT awam dan swasta.

Pertama, melantik jawatankuasa kurikulum di mana keahliannya bukan saja terdiri daripada para akademik dan pentadbir institusi tetapi juga pengamal dan profesional daripada pihak industri dan agensi awam.

Kedua tambah Yang

Berhormat, penawaran program-program yang diakreditasi oleh badan profesional seperti Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET), European Foundation for Management Development (EFMD) dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA). Pengiktirafan antarabangsa memastikan perisian program adalah sejajar dengan trend industri terkini, amalan baharu dan perubahan peraturan.

Ketiga, kata Yang Berhormat lagi, pelajar akan diberikan pendedahan kepada alam pekerjaan untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari melalui program *internship* ataupun *work attachment*.

"Keempat, pengambilan pensyarah sambilan, staf Adjung dan *locum tenen* daripada industri berkaitan dan kelima, Penubuhan Jawatankuasa

Kumpulan Bertindak yang berperanan dalam memastikan program - program yang ditawarkan di IPT awam dan swasta adalah relevan dengan keperluan industri.

"Jawatankuasa ini turut melibatkan agensi berkaitan termasuk Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB)," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa Kementerian Pendidikan juga akan terus membuat Kajian Kepuasan Majikan (Employers' Satisfaction Survey) yang mengumpulkan maklum balas daripada majikan mengenai kualiti kerja, prestasi dan kecakapan pekerjaan para graduan.

Maklumat daripada kajian tersebut digunakan bagi meneliti semula program - program pengajian sama ada ia bersesuaian dan benar-benar memenuhi keperluan dan permintaan industri yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

"Dalam mendukung perekonomian Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan akan terus menawarkan program-program dalam bidang hospitaliti dan pelancongan, antaranya, pertama, di Peringkat Pengajian Tinggi - Laksamana College of Business menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda dalam International Tourism Management, di samping program-program berkaitan di peringkat diploma dan sijil," ujar Yang Berhormat.

Manakala jelas Yang Berhormat lagi, Universiti Teknologi Brunei (UTB) melalui Tri-CED menawarkan kursus pendek dalam bidang hospitaliti dan pelancongan untuk meningkatkan kemahiran profesional dalam industri ini.

"Kedua, di Peringkat Pendidikan Teknikal dan Vokasional - Institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional awam dan swasta juga menawarkan program seperti Diploma Apprenticeship in Hospitality Management and Operations (PB); HNTec in Hospitality Operations (IBTE), Ntec in Hotel and Business Tourism (IBTE) dan Diploma in Food Preparation and Culinary Arts (LCB).

Ketiga, di Peringkat Sekolah Menengah - BTEC Hospitality Level 1 and 2 turut ditawarkan kepada pelajar-pelajar Special Applied Program (SAP) di Tahun 9, 10 dan 11," kata Yang

Berhormat.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam membentuk kursus-kursus di bidang hospitaliti dan pelancongan seperti melalui Manpower Industry Steering Committee Working Group (MISC-WG) Hospitality and Tourism, yang dikelola oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP).

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, setakat ini, dua program iaitu Basic Local Host Tourist Guide dan Language Course for Tourist Guide telah diungkuhkan bersama dengan sokongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Kementerian Pendidikan.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN.

"DALAM mendukung perekonomian Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan akan terus menawarkan program-program dalam bidang hospitaliti dan pelancongan, antaranya, pertama, di Peringkat Pengajian Tinggi - Laksamana College of Business menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda dalam International Tourism Management, di samping program-program berkaitan di peringkat diploma dan sijil," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA PERLU DIKEMBANGKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Kementerian Kesihatan telah memilih tema Sistem Penjagaan Kesihatan Yang Mampan (Sustainable Health Care System) pada Tahun Kewangan 2025 / 2026.

Meskipun menunjukkan peningkatan sebanyak 13.87 peratus daripada jumlah belanjawan Tahun Kewangan 2024 / 2025, ia adalah perbelanjaan sebenar Kementerian Kesihatan dengan mengambil kira peruntukan tambahan yang telah diluluskan bagi menampung perbelanjaan

sebenar terutama sekali disebabkan kenaikan kos pemeliharaan bangunan, ubat-ubatan dan peningkatan pembelian dan pajakan atau *leasing* aset perubatan yang telah mencapai usia atau *obsolete*.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan demikian hari ini pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, penumpuan adalah bagi pencegahan dan pengesanan awal melalui pendidikan serta pemeriksaan kesihatan. Dalam jangka panjang, pendidikan kesihatan yang berterusan di semua peringkat adalah sangat penting bagi kita sama-sama memilih gaya hidup sihat. Antara inisiatif yang aktif dijalankan termasuklah iklan-iklan televisyen dan radio, pawagam, *billboard* dan media sosial.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah mengeluarkan Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhemah Kepada Kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam

2021 yang mengehadkan pengeluaran gambar makanan dan gambar kanak-kanak di iklan-iklan makanan segera. Ia sejajar dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam membendung obesiti dalam kalangan kanak-kanak.

"Dalam membangun sistem kesihatan yang mampan, perkembangan perkhidmatan perubatan swasta juga perlu dikembangkan bagi membolehkan pesakit mempunyai pilihan di samping menggalakkan persaingan sihat antara pembekal perkhidmatan untuk memberikan yang terbaik selaras dengan sasaran pasaran masing-masing.

"Namun yang demikian, ini tidak bermakna Kementerian Kesihatan tidak akan melabur dalam peningkatan perkhidmatan, malahan ini akan dapat meningkatkan gabungan kerjasama dengan sektor swasta. Ini tentunya akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan bagi anak tempatan di sektor swasta dan mengembangkan ekonomi negara khususnya di sektor kesihatan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan antara usaha yang tidak lama lagi dilancarkan termasuklah pemeriksaan pekerja asing yang akan dikendalikan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

sepenuhnya oleh klinik swasta. Ini dijangkakan akan memberikan perkhidmatan yang cekap dan cepat dengan kadar harga yang kompetitif berbanding pengendalian kerajaan.

Dalam masa yang sama, portal yang akan disediakan akan terus digabungkan dengan klinik-klinik di negara asal yang dilantik bagi memastikan keputusan pemeriksaan di negara asal adalah asli.

Selain itu katanya, tawaran telah dibukakan untuk pengendalian Pusat Dialisis Swasta bagi kawasan Sungai Liang dan Mukim Berakas 'B'. Pengendalian secara penyumberan luar ini setentunya akan memberikan saingan untuk perkhidmatan terbaik kepada pesakit.

Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri juga tambah Yang Berhormat, memperkenalkan perlindungan pekerja asing dengan meningkatkan *medical coverage* kepada BND100,000. Ini setentunya akan bermanfaat kepada pekerja-pekerja asing untuk mudah mendapatkan akses kepada rawatan perubatan di hospital kerajaan ataupun swasta, malahan menyelamatkan majikan daripada beban tuntutan perubatan pekerjaanya.

Yang Berhormat seterusnya berkata, menyediakan peluang pekerjaan bagi lebih 300 pencari pekerjaan dalam perkhidmatan Patient Care Assistant dan Clinical Care Assistant di semua hospital dan klinik perubatan termasuk Pusat Dialisis Negara.

"Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) akan mengendalikan Program Caregiver yang diselaras dengan keperluan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyediakan peluang pekerjaan bagi yang berminat dalam penjagaan pesakit.

"Kementerian Kesihatan juga menggalakkan perkembangan lebih banyak klinik swasta, makmal swasta, perkhidmatan-perkhidmatan profesional kesihatan bersekutu swasta terutama sekali dalam bidang-bidang seperti fisioterapi, *speech therapy*, makmal dan sebagainya," kata Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa dalam 12 bulan kebelakangan sehingga Februari 2025, lapan buah klinik swasta baru telah dibuka menjadikan 55 buah klinik swasta sedang beroperasi di negara ini.

Perbelanjaan berhemah, kos efektif wujudkan sistem kesihatan berdaya tahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis hari ini juga menghuraikan mengenai keutamaan kedua Kementerian Kesihatan ialah memastikan perbelanjaan berhemah dan kos efektif bagi mewujudkan sistem kesihatan masa depan yang berdaya tahan.

Walau bagaimanapun, peningkatan kos masih belum dapat dielakkan mengambil kira kenaikan kos ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang semakin canggih serta peningkatan bilangan pesakit menghidap penyakit-penyakit kronik.

Dalam menangani dan memastikan peningkatan kos jangka masa panjang dapat dikawal, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan lagi usaha dengan mengadakan kempen pencegahan serta kesedaran kesihatan kepada orang awam melalui program-program promosi kesihatan, program

vaksinasi dan meningkatkan program saringan awal penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kardiovaskular, diabetes dan kanser.

Peningkatan penyakit-penyakit ini banyak dikaitkan dengan perubahan gaya hidup masyarakat terutama sekali dalam pengambilan makanan yang tidak seimbang dan berlebihan, merokok dan 'vaping', kurangnya membuat aktiviti luar dan peningkatan masalah kesihatan mental.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan mengenai pelaksanaan Program Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSP) terus mencatat kemajuan. Dalam usaha mengesan awal kanser serviks, Ujian HPV Self-Sampling telah diperkenalkan di negara ini dan diterima baik oleh wanita berbanding dengan pemeriksaan menggunakan Pap Smear Test.

"Alhamdulillah Program Self-Sampling yang dikendalikan di peringkat kebangsaan adalah antara negara yang terawal mengendalikannya di skala besar. Sejak 2023, hampir 5,000 wanita telah menjalani saringan kanser serviks dengan kadar 0.5 peratus kes abnormal dikesan untuk pemeriksaan lanjut dan terperinci. Dapatan di peringkat awal, insyaaAllah membolehkan

rawatan pencegahan dapat dibuat," ujar Yang Berhormat.

Dalam tempoh empat tahun sehingga tahun 2024, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah membuat saringan kanser payudara. Melebihi 10 ribu wanita menjalani saringan dan mendapati 1 peratus daripadanya terdapat keputusan yang tidak normal.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Pusat Pengimejan Payudara (BIC) bagi mengendalikan saringan kanser dan meningkatkan jumlah saringan yang dapat dibuat. Pengesanan awal ini telah membolehkan rawatan segera dilaksanakan, sekali gus meningkatkan peluang pemulihan pesakit. Ini setentunya akan mengurangkan impak perbelanjaan perubatan yang tinggi pada masa akan datang.

Saringan bagi penyakit-penyakit kronik lain, tambah Yang Berhormat, juga ditingkatkan. Di samping mengendalikan pemeriksaan berkala ke Kementerian-kementerian melalui WAH Program (Workplace and Health) bagi saringan penyakit jantung atau kardiovaskular dan diabetes.

Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan BruHealth 5.0 yang mana membantu individu memantau risiko kesihatan

masing-masing. Misalnya pemantauan tekanan darah, berat badan, kadar tidur, kesihatan mental, pemakanan dan aktiviti fizikal.

"Dengan menggunakan Artificial Intelligence (AI) dan *deep learning*, aplikasi berkenaan akan mampu memaklumkan individu akan risiko kesihatan yang akan dialami dan seterusnya menasihatkan serta membuat tempahan saringan kesihatan jika diperlukan.

"Dalam masa terdekat, BruHealth juga dapat membuat Exercise Prescription kepada peserta selaras dengan kemampuan individu yang dikaitkan dengan umur, berat

badan dan penyakit yang dihadapi peserta," ujarinya Yang Berhormat lagi.

Kementerian juga terus memelopori penggunaan teknologi dan AI dalam pengesanan penyakit mata disebabkan oleh diabetes. Program SELENA+ mula dilancarkan pada tahun lepas bagi saringan dan pengesanan Diabetic Retinopathy.

Dalam masa terdekat, Sistem SELENA+ ini bukan saja dapat digunakan untuk mengesan risiko hilang penglihatan, malahan pada masa akan datang boleh mengesan masalah-masalah Kesihatan lain termasuk kardiovaskular dan Demensia.

"DENGAN menggunakan Artificial Intelligence (AI) dan *deep learning*, aplikasi berkenaan akan mampu memaklumkan individu akan risiko kesihatan yang akan dialami dan seterusnya menasihatkan serta membuat tempahan saringan kesihatan jika diperlukan."

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KEBERKESANAN BRUHAJ DALAM TADBIR URUS PERKHIDMATAN HAJI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji telah melancarkan Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian iaitu Bruhaj pada 20 Januari 2025.

Semasa menyampaikan ulasan dalam perbahasan berkenaan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025 / 2026 pada hari ketujuh Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis hari ini, Yang Berhormat menerangkan, penggunaan Sistem Bruhaj ini telah membantu pihak KHEU dalam meningkatkan keberkesanan tadbir urus perkhidmatan haji khususnya dalam proses pendaftaran dan pengurusan data bakal-bakal jemaah haji yang lebih sistematik dan teratur.

Inisiatif baharu itu juga jelas Yang Berhormat telah

memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk mendaftar bagi menunaikan ibadah haji tanpa perlu hadir ke kaunter-kaunter dan turut memberi peluang dan kemudahan kepada rakyat Brunei yang berada di luar negara untuk membuat pendaftaran dengan mudah dan ringkas.

Dalam masa yang sama, pendaftaran melalui Sistem Bruhaj ini juga dapat memberikan peluang kepada ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak mereka termasuk anak-anak damit sebagai perancangan masa depan.

Jumlah pendaftaran haji melalui Sistem Bruhaj setakat 5 Ramadan 1446H / 6 Mac 2025M telah mencapai seramai 6640 orang yang termasuk kanak-kanak di bawah umur yang berjumlah 176 orang.

Di samping itu, ujar Yang Berhormat kita juga mensyukuri atas kesedaran yang sangat tinggi dalam kalangan rakyat dan masyarakat Islam di negara ini yang lebih cenderung untuk melaksanakan ibadah umrah sebagai salah satu pilihan dalam menjalani kehidupan beragama.

Maka ini juga turut memberikan peluang bagi peningkatan dan pertambahan syarikat-syarikat pelancongan yang berdaftar di bawah Jabatan Urusan Haji. Ini secara langsung memberikan peluang ekonomi kepada anak-anak tempatan untuk menceburi bidang pengurusan ibadah umrah.

Dalam pada itu, tambah Yang

Berhormat, keadaan itu turut memberikan ruang kepada orang ramai untuk memilih pakej-pakej yang bersesuaian dengan kemampuan dan cita rasa masing-masing dan syarikat-syarikat tersebut dapat turut menawarkan perkhidmatan yang pelbagai dengan harga yang kompetitif.

Seterusnya Yang Berhormat menerangkan mengenai jumlah bilangan orang ramai di negara ini menunaikan umrah dalam tempoh enam tahun tidak termasuk 2021 (2018 - 2024) adalah seramai 21,933 orang dan jumlah itu terus meningkat yang mendorong penubuhan agensi-agensi pengendali atau penganjur umrah meningkat menjadi sebanyak 32 agensi di mana syarikat pelancongan yang mendapat kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan visa pelancong meningkat kepada 32 buah.

Sementara itu, dalam ehwal zakat, Yang Berhormat menyebutkan bahawa KHEU melalui Jabatan Urusan Zakat dan Wakaf adalah menyantuni seramai 1,620 buah keluarga dengan keramaian tanggungan 2,926 orang asnaf zakat terdiri daripada fakir miskin.

Mereka adalah bilangan asnaf yang telah diluluskan dalam tahun 2024 yang lalu. Mereka menerima agihan zakat untuk selama satu tahun atau dua tahun dan menerima wang agihan masing-masing melalui akaun



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

bank.

Selain itu, bagi menjaga kesejahteraan rakyat dalam kategori asnaf zakat yang sangat memerlukan kediaman mereka itu diberikan bantuan agihan zakat dengan membangunkan rumah kekal di samping agihan sewa rumah.

Semenjak tahun 2009 sebanyak 125 buah rumah telah dibina untuk asnaf fakir miskin dan mualaf dan pada tahun 2025 ini ada 13 buah dalam pelaksanaan dan 328 buah lagi sedang dalam penilaian dan penelitian untuk ditimbang.

Kesemua itu, kata Yang Berhormat tentu termasuk inisiatif menyejahterakan rakyat dalam memenuhi hala tuju Wawasan Brunei 2035 itu, di mana KHEU turut berperanan aktif yang sewajarnya.

"MEREKA adalah bilangan asnaf yang telah diluluskan dalam tahun 2024 yang lalu. Mereka menerima agihan zakat untuk selama satu tahun atau dua tahun dan menerima wang agihan masing-masing melalui akaun bank. Selain itu, bagi menjaga kesejahteraan rakyat dalam kategori asnaf zakat yang sangat memerlukan kediaman mereka itu diberikan bantuan agihan zakat dengan membangunkan rumah kekal di samping agihan sewa rumah."

Menambah baik, mempercepat proses pensijilan halal giat dilaksanakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Persidangan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis hari ini juga membahaskan beberapa persoalan secara lisan yang ditujukan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, di sini.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengemukakan mengenai perancangan

memperkenalkan kategori baharu bagi permohonan yang belum diperakui dan status-status Sijil Halal premis untuk disiarkan dalam talian atau secara fizikal dan usaha penguatkuasaan yang ketat memandangkan beberapa premis makanan, termasuk yang bukan milik orang Islam, beroperasi sementara menunggu Sijil Halal atau pembaharuan sijil dan selanjutnya ingin mengetahui rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) untuk mempercepat pensijilan dan meningkatkan pemantauan dan jika penswastan perkhidmatan ini boleh membantu.

Merespons kepada persoalan berkenaan, Yang Berhormat

menjelaskan bahawa buat masa ini, tiada kategori khas atau 'perakuan sementara' diberikan kepada pengusaha yang sedang menunggu kelulusan Sijil Halal / Permit atau pembaharuan Sijil Halal / Permit yang telah mansuh.

Jelas Yang Berhormat, undang-undang sedia ada iaitu Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 juga tidak memperuntukkan Kategori Sijil Halal / Permit sementara bagi restoran / kilang makanan yang masih dalam proses permohonan atau pembaharuan.

Kemudian Yang Berhormat juga menerangkan bahawa pada masa ini, usaha menambah baik dan

mempercepat proses pensijilan halal sedang giat dilaksanakan, antaranya Ujian Penyelia Halal sebelum ini dijalankan semasa memproses permohonan Sijil Halal / Permit yang memakan masa selama tujuh hari kalendar.

Bermula pada 3 Februari 2025, tambahnya, ujian ini dilaksanakan lebih awal sebelum pihak syarikat membuat permohonan. Ujian Penyelia Halal merangkumi soalan - soalan berkaitan dengan agama dan teknikal (kebersihan) dan dijalankan secara digital semasa menghadiri Program Pengukuhan Penyeliaan Halal (PPPH) yang diadakan setiap minggu.

Slip keputusan ujian tersebut akan dikeluarkan serta merta selepas ujian dijalankan dan dijadikan sebagai salah satu dokumen yang dikehendaki (pra-kehendak) untuk dilampirkan apabila menghadapkan permohonan.

PPPH pada asalnya merupakan satu program pengukuhan bagi penyelia-penyelia halal yang sudah ditauliahkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Dengan perubahan itu, katanya, PPPH diluaskan lagi skopnya kepada calon-calon baharu yang akan dijadikan sebagai Penyelia Halal oleh pihak syarikat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENELITIAN MELARATKAN PENSYARATAN KURSUS DEFENSIVE DRIVING

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Persidangan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, juga membahaskan persoalan secara lisan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas, di sini.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran mengemukakan pertanyaan jika Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dapat mempertimbangkan untuk mengadakan Lesen Kelas 6 yang khusus bagi bas 22 tempat duduk sebagai tambahan kepada kategori yang sedia ada, memandangkan terdapat kesukaran dalam kalangan bakal pemandu bas untuk mengendali

bas yang terlalu besar namun ingin untuk memohon jawatan sebagai pemandu untuk memandu bas 22 tempat duduk.

Perkara ini diperlukan bagi menampung kekurangan pemandu bas dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menuruskan perkhidmatan bas di NBD.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menerangkan bahawa Lesen Memandu Kelas 6 yang sedia ada mempunyai dua kategori, iaitu Kelas 6 bagi bas-bas yang mempunyai kapasiti lebih daripada 16 tempat duduk penumpang, ini bermakna bas yang berkapasiti 22 tempat duduk penumpang adalah termasuk di bawah kategori kelas tersebut.

Manakala Kelas 6A adalah khusus bagi bas mini dengan kapasiti tidak lebih 16 tempat duduk penumpang. Menurut Yang Berhormat lagi, salah satu pra-syarat bagi mendapatkan Lesen Kelas Memandu Kelas 6 dan 6A yang dijalankan pada masa ini adalah diperlukan untuk mengikuti latihan serta ujian praktikal memandu dengan menggunakan bas 45 muatan tempat duduk penumpang.

Objektif bagi penggunaan bas dengan kapasiti 45 muatan tersebut untuk menilai kecekapan pemandu, bukan sahaja cekap memandu bas berukuran kecil tetapi juga bas yang berukuran besar.

"Akan tetapi, sepertimana pemerhatian Yang Berhormat, ini boleh menyukarkan pelajar. Sehubungan dengan itu, cadangan Yang Berhormat adalah satu pemerhatian yang baik dan Jabatan Pengangkutan Darat merancang untuk membuat pengemaskinian ke atas latihan

dan ujian praktikal bagi Lesen Memandu Kelas 6," kata Yang Berhormat lagi.

Pertimbangan bagi perkara itu, tambah Yang Berhormat, akan dinilai daripada segi kapasiti bas yang dipohonkan bagi tujuan mengikuti latihan dan juga ujian praktikal. Sebagai contoh, jika pemohon yang dihadapkan adalah bagi mengikuti latihan dan ujian praktikal dengan menggunakan bas 22 tempat duduk penumpang, maka pemohon tersebut hanya dibenarkan untuk memandu bas yang berkapasiti 22 dan ke bawah sahaja.

Selain mengenai isu kapasiti bas, keselamatan penumpang adalah merupakan keutamaan yang perlu diberikan perhatian khusus.

"Bagi perkara ini, Jabatan Pengangkutan Darat juga sedang membuat penelitian untuk melarutkan pensyarahan Kursus Defensive Driving kepada para pemandu bas awam dan juga bas



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

pelancong. Buat masa ini, Kursus Defensive Driving tersebut hanya dipersyaratkan kepada pemandu-pemandu bas yang membuat perjalanan lintas batas iaitu keluar negeri," ujar Yang Berhormat lagi.

Melahirkan perawat kerohanian berkemahiran tangani isu kesihatan mental

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat hari ini mengajukan persoalan secara lisan mengenai langkah strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam memastikan pendekatan rohani untuk menangani kesihatan mental dengan lebih berkesan dan tidak sekadar aktiviti rutin.

Adakah ada perancangan bagi memperkenalkan modul latihan khusus bagi pemimpin di tempat kerja serta memperluaskan integrasi kaunseling berteraskan kerohanian ke sektor swasta bagi memastikan pendekatan holistik yang menyeluruh.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman menjelaskan KHEU telah pun berkolaborasi bersama Kementerian Kesihatan mengadakan Kursus Latihan Kesihatan bagi pemimpin-pemimpin masyarakat bagi menghasilkan orang-orang yang akan dapat membantu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan rawatan yang berkesan di dalam atau di luar tempat kerja secara tersusun bersistematis.

Sehubungan dengan inisiatif mempersiapkan perawat-perawat kerohanian yang dipercayai, Yang Berhormat seterusnya menambah, KHEU akan turut sama menjayakan Program Latihan Khusus yang bertujuan melahirkan perawat kerohanian yang berkemahiran dalam menangani isu kesihatan mental dengan pendekatan rawatan bersepadu itu.

"Maka, dengan keterangan-keterangan berupa latar

belakang dan inisiatif yang telah dan akan dibuat, bukan sahaja oleh KHEU bersendirian malah berkolaborasi bersama dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Mufti Kerajaan," ujar Yang Berhormat pada Persidangan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Memperkuh penghayatan beragama dalam masyarakat

>> Muka 1

KHEU ujar Yang Berhormat akan terus dan sentiasa *bebaskan* dengan fungsi tanggungjawab menyediakan dan memberikan perkhidmatan dalam bidang ugama sebaik dan secemerlang yang mungkin.

Bagi maksud-maksud itu maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperuntukkan kepada KHEU sejumlah peruntukan belanjawan tahunan untuknya beroperasi dan sejumlah lagi untuk belanjawan kemajuan atau pembangunan. Kedua-duanya terkandung dalam Rang Belanjawan yang dibentangkan untuk disokong dan diluluskan.

Dalam bidang pendidikan, Yang Berhormat berkata bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa komited

dalam memperkasa sistem pendidikan ugama di negara ini yang mana sebahagian besar daripada jumlah Peruntukan Tahunan adalah bagi bidang pendidikan ugama meliputi persekolahan rendah dan menengah ugama / Arab, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah (ITQSHHB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) serta meliputi juga perbelanjaan bagi pelajar dan mahasiswa yang dikurniakan biasiswa penuh belajar di peringkat 'A' di sekolah menengah terpilih di dalam negeri, di pusat-pusat pengajian tinggi di Mesir, Jordan, Malaysia dan UK.

Tambah Yang Berhormat, berkaitan dengan pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum bagi murid-murid berumur 5 ke 10 tahun, KHEU adalah mendukung

penuh pelaksanaannya dan turut berperanan secara langsung melalui Jawatankuasa Tertingginya yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Jawatankuasa ini memfokuskan kepada empat bahagian utama iaitu Bahagian Sukatan Pelajaran (Kurikulum) dan Penilaian, Bahagian Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan, Bahagian Program Perkembangan, Profesional dan Latihan, Bahagian Prasarana dan Kemudahan dan Bahagian Perhubungan dan Komunikasi.

Dengan pelaksanaan pengintegrasian itu, jelas Yang Berhormat lagi, persekolahan ugama masih wujud dan insyaaAllah dikekalkan seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke KHEU pada 4 November 2023 yang menyebutkan : "...sehubungan dengan ini perlu beta tegaskan tidak ada sebarang tujuan untuk menghapuskan sekolah ugama. Sekolah ugama adalah rangkaian dari MIB dan salah satu jati diri negara yang kita banggakan."

Begitulah titah yang merupakan azam negara untuk mengekalkan sistem pendidikan ugama melalui persekolahan ugama. Untuk itu persekolahan ugama / Arab sedang dalam kajian untuk mengemaskinikannya.

Dalam hal ini adalah sedang diteliti pengemaskiniannya itu dalam hubungannya dengan persekolahan Arab sekarang untuk kekal diselenggarakan dan

dilaksanakan sesuai dengan tujuan asal penubuhannya seperti yang dihasratkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien sewaktu meletakkan Batu Asas Pembinaan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkihah pada 24 April 1964.

Al-Marhum bertitah, "Maka kerajaan sudah menyedari betapa sudahlah tiba pada masanya diadakan Sekolah Menengah Arab Ugama dengan mempunyai dasar-dasar pelajaran yang sesuai menurut laila kemajuan zaman, iaitu bukan sahaja di pengajaran ilmu - ilmu pengetahuan syarak dan bahasa Arab bahkan juga ilmu pengetahuan kenegaraan dan laila keduniaan untuk melayakkan murid-murid yang berkelulusan di sekolah menengah ini akan dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah tinggi di luar negeri."

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMELIHARA KESTABILAN POLITIK, MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman,

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menggariskan pelaksanaan anggaran perbelanjaannya berpedoman tiga keutamaan belanjawan negara yang telah ditetapkan iaitu salah satunya adalah meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam.

Alhamdulillah, JPM dan agensi-agensinya telah merangka pelbagai strategi untuk memelihara kestabilan politik dan mempertahankan kedaulatan negara. Pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation terus saja ditekankan dan dalam mana agensi-agensi keselamatan negara bekerjasama rapat dengan masyarakat awam dalam sama - sama menjaga keselamatan dan keamanan negara ini.

Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara tersebut semasa mengulas berkaitan fokus belanjawan JPM bagi Tahun Kewangan 2025/2026 pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis

Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Dalam aspek keselamatan awam, jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, satu inisiatif baharu yang dipelopori menerusi Program Pengukuhan Fiskal Negara, *fiscal consolidation* akan dilaksanakan iaitu projek penyewaan kenderaan dan motosikal untuk agensi-agensi penguatkuasa.

Projek ini melibatkan Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri yang mana akan mempertingkatkan lagi *respond time* dalam menangani sebarang kejadian di samping meningkatkan keterlihatan, *visibility* mereka di kalangan komuniti dan membina keyakinan awam terhadap keberadaan agensi-agensi penguatkuasa.

Sehubungan ini, sebuah Jawatankuasa Pandu Perolehan Kenderaan Agensi-agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi menunduki proses-proses perolehan kenderaan-kenderaan

tersebut.

Dalam masa yang sama, menurut Yang Berhormat, pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga sedang melaksanakan transformasi sistem pengambilan kakitangan melalui inisiatif Smart Screening dan Process Validation pemohon bertujuan untuk mempermudah dan mempercepatkan proses pengambilan di kementerian-kementerian.

Selain itu Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence, AI merupakan daya pengubah terkini yang mendorong kepada peningkatan kecekapan, inovasi dan memberi keputusan dalam membantu sektor perkhidmatan awam pada masa kini.

Seterusnya, Yang Berhormat menjelaskan, salah satu inisiatif JPM dalam usaha menerapkan AI dalam perkhidmatan awam adalah melalui kolaborasi di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama pihak Commonwealth. Untuk itu, JPA sedang dalam proses menguji kaji kecekapan serta *toolkit* yang dinamakan StrategusAltoolkit yang telah disediakan oleh Commonwealth Artificial Intelligence Consortium, CAIC. Toolkit ini dihasrat untuk digunakan oleh kementerian-kementerian khususnya bagi pengubalan dasar dan peraturan dengan menggunakan AI.

"Dalam memelihara

keharmonian bernegara, agensi-agensi media rasmi kerajaan melalui Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan akan terus berperanan sebagai saluran utama maklumat kerajaan secara tepat dan berkesan melalui pelbagai platform media. Kerjasama erat antara media kerajaan adalah sangat penting dalam membina kefahaman rakyat terhadap dasar dan inisiatif kerajaan. Di samping itu, pendekatan akar umbi akan sentiasa diperkukuh sebagai jambatan perhubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat dalam memastikan setiap maklum balas dapat ditangani sewajarnya," tambah Yang Berhormat lagi.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

"DALAM memelihara keharmonian bernegara, agensi-agensi media rasmi kerajaan melalui Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan akan terus berperanan sebagai saluran utama maklumat kerajaan secara tepat dan berkesan melalui pelbagai platform media."

Perkhidmatan cemerlang tunjang pembangunan ekonomi negara

"KEUTAMAAN pertama ialah meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam, kedua ialah memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan sebagai peneraju dan ketiga ialah pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan."

>> Muka 1

Perkara tersebut dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa mengulas berkaitan fokus belanjawan JPM bagi Tahun Kewangan 2025/2026 pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat seterusnya memaklumkan bahawa anggaran perbelanjaan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya dirangka dengan

memberikan penekanan kepada matlamat dan keutamaan perbelanjaan yang mendukung Tema Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2025/2026 : 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' juga pelan strategik JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebagai penggerak utama dalam pentadbiran kerajaan, JPM menjunjung sepenuhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan cemerlang yang menjadi



SEKITAR persidangan berkenaan.

tunjang kepada pembangunan ekonomi negara yang mampan di samping memastikan kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dipelihara.

Ini adalah juga sejajar dengan visi Pelan Strategik JPM, iaitu Kepimpinan dan

Urustadbir yang Cemerlang dan matlamat - matlamat Wawasan Brunei 2035. Sehubungan itu, JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menggariskan pelaksanaan anggaran perbelanjaannya berpedoman tiga keutamaan belanjawan negara yang telah

ditetapkan.

Keutamaan pertama ialah meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam, kedua ialah memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan sebagai peneraju dan ketiga ialah pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



FCP TANGANI DEFISIT FISKAL SECARA MAMPAN

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Kerajaan amat mengambil berat terhadap keadaan defisit fiskal yang telah dialami sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dalam hal ini, salah satu inisiatif kerajaan dalam menangani defisit fiskal secara mampan adalah melalui Fiscal Consolidation Programme (FCP). Program ini

bukan melibatkan pengurangan perbelanjaan, tetapi lebih kepada penyediaan peruntukan secara optima, agar menghasilkan produktiviti dan impak yang lebih signifikan kepada kedudukan fiskal kerajaan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Perbahasan Peringkat Dasar Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan 2025/2026 pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew menjelaskan FCP melibatkan penelitan semula perbelanjaan Kementerian dan jabatan masing-masing, dengan hasrat mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan yang tidak produktif.

Melalui program ini, tambah Yang Berhormat, jabatan dan Kementerian adalah digalakkan untuk menerokai proses dan

prosedur baharu yang moden dan inovatif dalam penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien dan cekap. Impak perubahan ini akan menyumbang kepada penyediaan belanjawan yang lebih optima.

Di samping itu, Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian dan jabatan juga sedang meneliti semula potensi sumber hasil pendapatan baharu dengan tujuan untuk memperluaskan asas hasil negara dan meneliti kadar caj, yuran dan sewa yang dikenakan pada masa ini agar ia bersesuaian dan berpatutan dengan tahap perkhidmatan yang diberikan. Dengan inisiatif ini, akan meluaskan lagi sumber pendapatan daripada Sektor Bukan Minyak dan Gas.

"Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus mendukung usaha-usaha Kementerian dan jabatan dalam meningkatkan hasil kerajaan daripada sumber-sumber lain. Dalam hal ini, apa saja skim baharu yang akan diperkenalkan hendaklah mempunyai dasar dan pentadbiran yang adil dan saksama tanpa membebaskan golongan - golongan yang berpendapatan rendah. Pengenal skim-skim baharu juga perlu meneliti situasi perekonomian semasa. Dalam pada itu, setiap Kementerian juga perlu meneliti prosedur

pengutipan hasil yang lebih efisien sama ada melalui perubahan dasar atau proses termasuk meningkatkan usaha dalam mengutip semula hasil-hasil yang tertunggak," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan, FCP juga termasuk mengenal pasti perkhidmatan atau fasiliti-fasiliti atau projek-projek yang dapat dilaksanakan melalui kaedah kerjasama awam-swasta ataupun Public-Private Partnership (PPP) serta penswastan dan pengkorporatan beberapa agensi-agensi kerajaan bagi meningkatkan efisiensi dalam pemberian perkhidmatan di samping menjana *economic spin-off* melalui mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

"Perkongsian dan pembarigian semula mengenai FCP telah diungkayahkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada sesi Forum Setiausaha-setiausaha Tetap pada 10 Oktober 2024 yang lalu. Pada masa ini, Bahagian Belanjawan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang melaksanakan proses penilaian (*evaluation*) ke atas keberkesanan inisiatif dan reformasi yang telah selesai dilaksanakan di bawah program

FCP mulai Tahun Kewangan 2020/2021 sehingga Tahun Kewangan 2024/2025 dan impaknya terhadap fiskal kerajaan secara menyeluruh. Pembarigian ini akan diteruskan lagi ke Kementerian dan jabatan pada suku pertama Tahun Kewangan 2025/2026. Dalam memastikan belanjawan diperuntukkan secara efisien, kerajaan menggunakan kaedah belanjawan 'Programme and Performance Budgeting' (PPB) di mana peruntukan disediakan berasaskan program yang menjurus kepada *core business* setiap Kementerian dan jabatan masing-masing. Dalam hal ini, setiap Pegawai Pengawal perlu mengamalkan disiplin dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan di mana setiap peruntukan dibelanjakan menurut keperluan yang sebenar dan secara berhemah," jelas Yang Berhormat.

Namun demikian, Yang Berhormat menyatakan, kejayaan FCP memerlukan kerjasama semua pihak, khususnya Kementerian dan jabatan yang perlu mengambil langkah-langkah lebih proaktif dalam menilai proses-proses kerja yang boleh diperbaharui atau dikemas kini untuk memastikan perbelanjaan yang optima dan perkhidmatan yang lebih efisien dan cekap termasuk benar - benar memanfaatkan ICT.

Ke arah mempertingkatkan Ease of Doing Business

"MESKIPUN langkah-langkah ini telah diambil, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mendapati bahawa ada aktiviti-aktiviti perniagaan tertentu yang masih belum dikawal selia oleh mana-mana agensi."

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Mengenai usaha mempertingkatkan Ease of Doing Business dan keperluan pensejajaran dasar termasuk satu penyelia utama, memang terdapat pengawalselia (*regulator*) bagi aktiviti masing-masing sebagai contoh isu tanah termasuk penyalahgunaan tanah di bawah Jabatan Tanah, isu-isu bangunan di bawah ABCi (bagi kawasan bandaran) dan TCP (bagi kawasan daerah), Fire Safety Order di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk premis perniagaan.

Manakala, aktiviti-aktiviti perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD) sebelum ini pernah dikawal selia di bawah Miscellaneous Licences Act, melalui pemberian lesen perniagaan yang dikenali sebagai Lesen Rampaian yang

dikeluarkan di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi (MOFE) II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Perbahasan Peringkat Dasar Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan 2025/2026 pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew, akta tersebut telah dimansuhkan pada tahun 2016 mengambil kira

keperluan untuk mendapatkan lesen tersebut telah memberi kesan negatif kepada kedudukan NBD dalam Ease of Doing Business.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, selepas pemansuhan Miscellaneous Licences Act, beberapa agensi telah mengambil inisiatif untuk mengawal selia beberapa jenis aktiviti perniagaan tertentu seperti Establismen Kecantikan Dan Kesihatan oleh KHEDN, dan aktiviti perniagaan makanan oleh Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFa).

"Meskipun langkah-langkah ini telah diambil, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE), MOFE telah mendapati bahawa ada aktiviti-aktiviti perniagaan tertentu yang masih belum dikawal selia oleh mana-mana agensi," tambah Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, jelas Yang Berhormat, pihak MOFE telah meneliti kesesuaian Perintah Penyelarasan Perindustrian 2001 (Industrial Coordination Order 2001 - ICO 2001) yang belum pernah dikuatkuasakan sebelum ini dan merancang untuk meminda serta memperluaskan skop ICO 2001. Hasrat pindaan ini bertujuan untuk mewujudkan pengawalseliaan yang lebih menyeluruh terhadap pelbagai aktiviti perindustrian termasuk aktiviti pembuatan, perniagaan peruncitan serta aktiviti perindustrian lain.

Yang Berhormat kemudiannya menambah, dengan pindaan ini, ICO 2001 akan dijadikan sebagai

rangka kerja pengawalseliaan yang lebih komprehensif, teratur dan berupaya menangani aktiviti-aktiviti perniagaan yang masih belum dikawal selia di negara ini. Langkah ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih teratur.

Perkara ini juga akan diperkukuhkan lagi dengan pengemaskinian Akta ICO 2001 yang pada masa ini dalam penelitian agensi kerajaan yang berkenaan.

"Kejayaan pelaksanaan bergantung kepada pensejajaran dasar-dasar kerajaan secara menyeluruh. Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Sekretariat Ease of Doing Business, bekerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan untuk memastikan Industry Roadmap dapat menangani cabaran sektor swasta secara efektif, sejajar dengan pendekatan Whole of Nation.

Jawatankuasa Pandu Ease of Doing Business akan terus memantau reformasi dan menyokong pembaikan ekosistem perniagaan melalui langkah-langkah utama seperti kerjasama erat dengan sektor swasta dalam penggubalan dasar, penyelarasan prosedur bagi mempercepatkan proses kerajaan, penambahbaikan sistem atas talian untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan, serta memperluaskan komunikasi dua hala dengan pihak berkepentingan," jelas Yang

Berhormat lagi.

Dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar, Yang Berhormat berkata, kita tidak boleh leka atau *complacent* malah menggandakan usaha untuk memperkukuhkan dan meningkatkan lagi ekonomi ke arah mencapai kemakmuran negara dan memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Kerajaan sentiasa komited untuk meneruskan dasar yang pragmatik, bertanggungjawab, dan berorientasikan masa depan bagi memastikan negara kekal sebagai sebuah negara yang berdaya saing dan *growth-friendly*.

Namun, jelas Yang Berhormat, kejayaan ini tidak boleh dicapai oleh kerajaan sahaja. Ia memerlukan sokongan daripada semua pihak termasuk sektor swasta, industri, para akademik, dan rakyat keseluruhannya. Kita mesti bekerjasama dalam membina ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, memastikan setiap dasar yang dilaksanakan memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat, dan memastikan tiada pihak yang tercicir dalam arus pembangunan.

Yang Berhormat dalam mengakhiri perbahasannya mengongsikan dengan pengurusan fiskal yang berhemah, pertumbuhan ekonomi yang inklusif, dan komitmen yang teguh, kita pasti akan dapat mencapai keseimbangan fiskal, dan kestabilan dan kemampuan ekonomi yang lebih resilien.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



DIANGGARKAN 10,500 PELUANG PEKERJAAN BAHARU BAGI TEMPOH 2024 HINGGA 2028

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Berdasarkan data daripada Kajian Tenaga Kerja, yang mengukur trend tenaga kerja adalah berdasarkan definisi International Labour Organisation (ILO) yang mana tidak membezakan di antara pekerjaan tetap atau sementara.

Jumlah pekerja di Brunei meningkat sebanyak 8.1 peratus dari tahun 2017 hingga 2023. Peningkatan ini turut disertai dengan kenaikan purata pendapatan bulanan daripada BND1,331 pada tahun 2017 kepada BND1,755 pada tahun 2023.

Walaupun peningkatan pendapatan berlaku, tekanan kos sara hidup tetap menjadi cabaran, dan dalam hal ini, pelbagai inisiatif subsidi kerajaan memainkan peranan penting dalam mengurangkan beban perbelanjaan isi rumah dan membantu menstabilkan perbelanjaan asas dan juga meningkatkan kualiti hidup penduduk secara keseluruhan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan perkara tersebut pada hari ketujuh

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis bagi mengulas isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai peluang - peluang pekerjaan di negara ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew juga mengongsikan mengenai situasi pekerjaan di sektor swasta yang mana setakat 31 Januari 2025, terdapat lebih 4,000 jawatan kosong yang sedang diiklankan melalui Portal JobCentre Brunei (JCB) dalam pelbagai sektor seperti sektor minyak dan gas, sektor pembinaan dan sektor pembuatan (*manufacturing*).

Selain itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menambah, berdasarkan unjuran keperluan tenaga kerja yang dikumpulkan oleh Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, dianggarkan sebanyak 10,500

peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan dalam sektor minyak dan gas, pembinaan, pembuatan, pemakanan (*agrifood*), pertanian, pelancongan, dan hospitaliti bagi tempoh 2024 hingga 2028. Unjuran ini diperolehi daripada agensi-agensi kerajaan serta syarikat-syarikat sektor swasta, GLC, FDI, dan PMKS.

"Walau bagaimanapun, daripada jumlah berkenaan, hanya segelintir yang memerlukan tahap kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas. Oleh itu, bagi meningkatkan peluang pekerjaan yang sejajar dengan kelayakan graduan, usaha bersepadu dan komitmen daripada semua pihak adalah penting dalam menarik serta memudah cara pelaburan langsung asing, selain menggalakkan pertumbuhan sektor swasta secara menyeluruh.

Oleh yang demikian adalah penting untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja memiliki kemahiran yang relevan dengan keperluan industri, tetapi juga berdaya keusahawanan, inovatif, dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran kerja. Dengan ciri-ciri berkenaan, mereka bukan sahaja mampu mencipta peluang untuk diri sendiri, tetapi juga menjadi agen perubahan sebagai pencipta pekerjaan masa depan.

Alhamdulillah, Laporan Kajian Tenaga Kerja terkini menunjukkan peningkatan dalam aktiviti keusahawanan dan peralihan ekonomi ke arah ekonomi *gig*. Ini menggambarkan minat dan daya kemampuan anak tempatan dalam meneroka peluang pekerjaan yang lebih fleksibel dan dinamik yang mana setentunya akan mendorong pertumbuhan ekonomi," jelas Yang Berhormat lagi.

Manakala mengenai strategi *localisation*, Yang Berhormat menerangkan, Pusat Pekerjaan Brunei bersama Jabatan Buruh melaksanakan penilaian permohonan Clearance Letter. Ini bertujuan untuk mengutamakan pengambilan anak tempatan bagi peluang-peluang pekerjaan yang dinilai boleh disisakan oleh anak tempatan sebelum mengambil pekerja asing, dalam beberapa tahun yang akan datang.

Di samping itu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, beberapa usaha juga telah diungkayahkan di bawah Manpower Industry Steering Committee yang telah mengenal pasti 60 jenis *critical occupations* yang diperlukan dan dapat disisakan oleh anak tempatan. Daripada penganalisaan terhadap *critical occupations* berkenaan, ia akan dapat membuka sebanyak lebih 5,000 peluang pekerjaan di sektor



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

tenaga, ICT, hospitaliti dan pelancongan, pengangkutan dan logistik, dan pembinaan dengan mengambil kira kadar penggantian 50 peratus pekerja asing.

"Sungguhpun kita berhasrat untuk memaksimumkan peluang-peluang pekerjaan bagi anak tempatan, namun secara realistik, tenaga kerja warga asing masih diperlukan. Mereka boleh dianggap memberi *value add* memandangkan kemahiran dan kepakaran mereka saling melengkapi atau *complementary* dengan kemahiran dan kepakaran anak tempatan *kitani*," tambah Yang Berhormat lagi.

KKBS bawa warisan budaya Brunei ke peringkat serantau dan global

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) kekal komited dalam memperkasa budaya bahasa dan pengetahuan tradisional masyarakat puak jati Negara Brunei Darussalam (NBD) selaras dengan dasar kebudayaan negara dan Matlamat Pembangunan Mampan iaitu SDG.

Usaha ini, bertujuan memastikan kebudayaan setiap puak di NBD kekal relevan dalam memperkasakan jati diri bangsa serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyatakan perkara itu semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan berhubung dengan usaha-usaha dalam memperkasa bahasa, budaya dan pengetahuan tradisional masyarakat puak jati bagi menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam pembangunan negara.

Sehubungan itu, KKBS telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memelihara warisan

budaya termasuk menganjurkan sebanyak 1,547 aktiviti kebudayaan pada sepanjang tempoh 2023-2024 yang mana telah menarik penyertaan seramai lebih 67,908 orang peserta.

"Antara program utama yang telah dianjurkan adalah Festival Kebudayaan 7 Puak yang menampilkan keunikan adat dan budaya puak jati Brunei. Di samping itu, program-program seperti Perjalanan Kebudayaan di keempat daerah, Pertandingan Canang Citra Budaya dan Naindung Mekar yang melibatkan persembahan lagu-lagu tradisi, juga telah menarik penyertaan lebih daripada enam ribu peserta. Selain itu, Bengkel Warisan Tradisi yang memfokuskan permainan tradisional dan kesenian budaya serta pameran 'Muziumku Warisanku' yang mempamerkan pakaian 7 puak dan artifak budaya juga turut dianjurkan," ujar Yang Berhormat pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Selain itu tambahnya, kementerian ini juga memastikan usaha pemerdayaan budaya ini bersifat inklusif dengan menyediakan platform kepada golongan Orang-orang Kelainan Upaya (OKU), OKU untuk

mempromosikan karya seni budaya termasuk kraftangan dan persembahan warisan seperti pameran seni untuk semua, yang diadakan pada tahun 2024 bersempena dengan Hari Antarabangsa OKU.

Dalam konteks antarabangsa, Yang Berhormat menjelaskan kementerian ini turut membawa warisan budaya Brunei ke peringkat serantau dan global melalui penyertaan dalam Festival ASEAN serta pelbagai acara lain termasuk memperkenalkan permainan tradisional seperti pasang, congkak, saluk-salukan dan buah lapas-lapas.

Menurutnya, seiring dengan perkembangan teknologi, KKBS turut memanfaatkan teknologi digital melalui pendigitalan 42,233 bahan warisan bagi memastikan kelangsungan sejarah dan budaya Brunei. Selain itu, aplikasi BudayaBN yang mengandungi e-Kamus Bahasa Melayu Brunei telah digunakan setakat ini oleh lebih 100 ribu pengguna untuk memelihara dan memperluaskan penggunaan bahasa Melayu Brunei.

"Teknologi VR ataupun Virtual Reality dan AR ataupun Augmented Reality juga telah digunakan dalam pameran warisan bagi menarik minat generasi muda. Hasilnya, pameran-pameran budaya yang dilaksanakan telah dapat menarik lebih sebanyak 231 ribu orang pelawat ke galeri, perpustakaan dan tapak bersejarah di Brunei serta meningkatkan jumlah

pengunjung kepada 8,655 orang pada tahun 2024," ujarnya.

Ini bermakna jelas Yang Berhormat, ia satu peningkatan sebanyak 70 peratus daripada tahun sebelumnya. Sasaran masa depan KKBS adalah untuk terus memperkukuh kolaborasi dengan institusi pendidikan, pertubuhan budaya dan masyarakat setempat untuk merancang program kebudayaan yang lebih dinamik.

Selain itu, kementerian ini akan terus menggalakkan penglibatan masyarakat puak jati Brunei melalui pelbagai program seperti kursus dan latihan seni budaya untuk belia dan komuniti dalam bidang seperti tenunan, seni persembahan serta adat istiadat.

Dalam pada itu, tegas Yang Berhormat, kejayaan pengiktirafan kebaya, pakaian kebaya, sebagai warisan tidak ketara UNESCO menjadi satu bukti keberkesanan kolaborasi serantau dalam memartabatkan budaya Brunei. Kementerian ini juga terus menyokong pengusaha produk budaya seperti kraftangan, makanan warisan dan tekstil tradisional melalui geran bantuan untuk memastikan produk tempatan terus berkembang dan menjadi sumber ekonomi.

Secara keseluruhannya, tambahnya lagi, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian ini sebenarnya bukan saja bertujuan untuk memastikan warisan budaya Brunei terus berkembang tetapi juga bertujuan untuk



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

memperkukuh sektor pelancongan budaya, pembangunan ekonomi negara serta pemupukan kesedaran dan minat generasi muda dalam bidang ini.

"Ini adalah selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang mana menitikberatkan pembangunan belia dan pemeliharaan warisan sebagai tunjang kemajuan negara. Kementerian ini sentiasa mengalu-alukan cadangan dan inisiatif daripada masyarakat di peringkat akar umbi dalam memastikan adat, budaya dan tradisi akan terus kekal terpelihara," kata Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KESEDIAAN BEKALAN BAJA INSENTIF TERTAKLUK KEPADA BEBERAPA FAKTOR

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Laporan mengenai baja-baja bahan input pertanian, skim insentif disalurkan kepada pengusaha atau syarikat yang sudah berjaya dan berskala besar adalah tidak tepat kerana syarat-syarat kelayakan permohonan skim insentif bagi peladang yang mengusahakan komuniti sayur-sayuran berbagai tanaman, *floriculture* dan komuniti padi adalah kawasan yang diusahakan tidak melebihi lima hektar dan bagi komuniti buah-buahan tidak melebihi tujuh hektar.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan perkara

tersebut semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat berkenaan dengan keluhan petani-petani tempatan yang berskala kecil dan sederhana mengenai dengan subsidi baja daripada Jabatan Pertanian yang sering tidak mendapat pengagihan baja-baja tersebut.

"Kesediaan bekalan baja insentif adalah bergantung kepada beberapa faktor, iaitu peruntukan yang diluluskan, jumlah keperluan pengusaha berdasarkan keluasan ladang, keupayaan syarikat pembekal

baja untuk membekal baja mengikut spesifikasi yang dinyatakan dan kapasiti stor-stor bagi Jabatan Pertanian," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Berhormat, jabatan juga mengelak daripada pembelian baja secara berlebihan agar baja tidak disimpan terlalu lama di dalam stor yang boleh menyebabkan penurunan kualiti baja dan menyebabkan kerugian

kerajaan.
"Cadangan bagi mengatasi masalah kekurangan baja tersebut, pihak Jabatan Pertanian menyeru bagi peladang-peladang untuk menggunakan jenis baja campuran fizikal atau baja tunggal yang lebih *cost-effective* berbanding dengan baja kompaun dan digalakkan untuk membeli juga baja secara



berkumpulan untuk mendapatkan harga borong atau diskaun bagi syarikat-syarikat swasta atau mengimport ke luar negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Nilai keluaran industri perikanan meningkat 2.8 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Seperti yang dimaklumkan semasa dalam muzakarah antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) tahun 2025 yang telah diadakan pada 4 Februari 2025 lalu di mana data keluaran sektor perikanan pada bagi tahun 2024 yang disampaikan semasa taklimat berkenaan adalah belum muktamad dan masih dalam pengiraan.

Untuk makluman, nilai keluaran sebenar industri perikanan, penangkapan ikan bagi tahun 2024 meningkat sebanyak BND3.63 juta iaitu peningkatan sebanyak 2.8 peratus berbanding hasil keluaran pada tahun 2023, iaitu meningkat sebanyak BND128.3 juta pada tahun 2023 kepada BND131.93 juta pada tahun 2024.

Industri ini merupakan penyumbang utama, iaitu sebanyak 82 peratus pada keseluruhan nilai penghasilan sektor perikanan pada tahun 2024. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan hasil tangkapan daripada nelayan komersial sebanyak BND2.67 juta, iaitu peningkatan 21.9 peratus, iaitu daripada BND12.16 juta pada tahun 2023 kepada BND14.8 juta pada tahun 2024.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dikemukakan

oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai menangani isu penurunan industri perikanan Brunei pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Untuk makluman, pencerobohan nelayan asing secara haram meningkat sebanyak 11 peratus pada tahun 2024, iaitu sebanyak 238 pencerobohan jika dibandingkan sebanyak 212 buah dalam pencerobohan dalam tahun 2023.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perikanan melaksanakan penguatkuasaan yang berterusan bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing di negara ini dengan melaksanakan rondaan dan pengawasan secara rutin," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebagai langkah tambahan, Pelan Tindakan Kebangsaan juga turut dilaksanakan yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Bagi memastikan pengawasan dan pengawasan dapat dijalankan secara bersepadu.

Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty berasa amat gembira dengan berita kenaikan hasil daripada perikanan.

Yang Berhormat seterusnya mengajukan soalan tambahan kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf berkenaan dengan *impact of climate change* kepada industri perikanan.

"Climate change is real, we are here, you know, the climate change every day that we have said. Adakah peruntukan di dalam kementerian untuk membuat *research and development, impact of climate change* kepada di dalam industri perikanan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata terdapat dua *study* dibuat oleh pihak Jabatan Perikanan, iaitu *study* pertama ialah bekerjasama dengan dengan SEAFDEC iaitu persatuan antarabangsa berkenaan dengan pengiraan stok yang secara regular di perairan Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Dengan adanya pengiraan stok ini insyaaAllah akan dapat mengkaji sejauh mana *effect ani climate change* boleh menjejaskan bekalan ikan di perairan di NBD," tambahnya.

Di samping juga, jelas Yang Berhormat lagi, ada satu *study*

KKBS bawa warisan budaya Brunei ke peringkat serantau dan global

>> Muka 11

Dalam hal ini, Yang Berhormat ingin menyeru kepada semua institusi penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin komuniti untuk sama-sama secara proaktif, memperkasakan kesedaran budaya dalam kalangan generasi muda. Kerjasama erat dengan pemimpin masyarakat ini amat penting bagi memastikan setiap anak buah kampung tidak akan melupakan warisan dan identiti budaya mereka.

Melalui program seperti bengkel budaya, pertandingan kesenian tradisional dan kempen kesedaran sejarah lisan, kementerian ini berusaha untuk memindahkan ilmu budaya kepada generasi penerus dan mengukuhkan rasa bangga terhadap jati diri bangsa. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi negara untuk memastikan warisan budaya terus berkembang dan kekal relevan dalam arus kemodenan.

Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib juga menambah dalam perbahasan tersebut yang mana adalah sangat mustahak bagi *kitani* untuk sama-sama memikirkan bahawa kita mempunyai undang-undang khusus mengenai dengan siapa yang sebenarnya disebut sebagai rakyat Brunei. Jadi, *kitani* tidak seharusnya leka dengan perasaan kepuakan *kitani*. Sekiranya *kitani* leka dengan itu, maka kita akan lalai, sistem pemerintahan yang dahulu *divide and rule* akan berkembang semula. Jadi kita adalah rakyat Brunei, identiti kita adalah kebruneian dan boleh dikatakan filosofi hidup kita adalah MIB.

Kita adalah orang Melayu, kita adalah negara Islam dan kita mempunyai raja. Jadi kita harus tidak lupa kepada *central* atau *focal point* ke pembangunan *nation-building* bahawa kita adalah orang Brunei.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN juga menekankan kepada kita agar tidak lupa akan hakikat yang sebenarnya bahawa kita adalah orang Brunei dan apa jua kebudayaan, sesuatu hari yang akan *kitani* timbulkan dalam *nation-building* kita adalah mencerminkan ketatasusilaan, kebudayaan negara *kitani* sendiri.

juga yang akan dilaksanakan iaitu kajian bagi kawasan-kawasan yang sesuai bagi penternakan *aquaculture* di negara di mana ia akan dapat membandingkan status masa dahulu dan juga pada masa sekarang sama ada, ada impak kepada kawasan-kawasan yang

distudy itu adakah ia terjejas oleh sebarang faktor-faktor lain seperti *climate change* ataupun *pollution* yang akan dapat dilihat pendapatan daripada kajian ini. Itulah dia saja dua *studies* yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

MTIC BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku ketua rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (atas). Manakala gambar atas kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensinya telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong. Hadir bagi mengetahui

rombongan ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Sufri Bolkiah,

Perpindahan Berakas, Awang Abdul Razak bin Samat. Majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja ini merupakan aktiviti keagamaan tahunan yang dikendalikan oleh MTIC, bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak ini dan memperoleh ganjaran pahala berlipat ganda serta keberkatan daripada Allah Subhanahu

Wata'ala. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensinya pihak berkuasa di bawahnya.

Mantan penuntut PTE Jalan Muara bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

LEPASAN Penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975-1978 semasa mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Lepas Penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975-1978 telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil itu berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di ibu negara, hari ini. Hadir pada majlis tersebut ialah mantan Pengetua PTE, Dato Paduka Awang Haji Alimin bin Haji Abd. Wahab, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong serta lebih



40 mantan tenaga pengajar PTE dan Lepas Penuntut - penuntut PTE 1975-1978.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Lepas Penuntut PTE, Pengiran Haji Yunos bin Pengiran Haji Md.

Salleh. Majlis ini adalah sempena Sambutan Memperingati PTE Jalan Muara 1975.

Menurut Setiausaha Bersama, Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim bersempena dengan memperingati sambutan tersebut,

Jawatankuasa Ad - Hoc Lepas Penuntut PTE Klasik Jalan Muara 1975-1978 telah merancang beberapa program.

Antaranya ialah Majlis Khatam Al-Quran yang akan diadakan pada Ahad, 4 Mei 2025 dan Majlis

Sembahyang Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran pada Jumaat, 2 Mei 2025 yang mana masing-masing akan berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
"Architect Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 01 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation
(RFQ) Architect Consultancy
Services for "Pembinaan
Blok Baharu Makmal Rujukan"

Dibukakan Kepada
"Quantity Surveying
Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 02 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) for
Civil and Structural Engineering
Consultancy Services for
"Pembinaan Blok Baharu
Makmal Rujukan"

Dibukakan Kepada
"Civil And Structural
Engineering Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 03 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
for "Pembinaan Blok Baharu
Makmal Rujukan"

Dibukakan Kepada
"Mechanical and Electrical"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 04 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Quantity Surveying Consultancy
Services for "Pembinaan Blok
Baharu Makmal Rujukan"

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
25 Mac 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
8 April 2025.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
di dalam

Kelas:
III sahaja

Kategori:
[KA01 dan KPB04 sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
18 Mac 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup :
25 Mac 2025. (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 012 / 2025

Nama Projek:
Membekal dan Memasang
Tangki Air SS316 Baharu,
Sistem Pam Peningkat, Penapis
Pasir dan Paip Air yang Berkaitan
di Istana Darul Hana,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2024 - 2025 / 49

Tajuk Tawaran :
One Year General Cleaning For
Tourism Development
Department Office

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 13 Mac 2025.
Jam 12.00 Petang.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Rujukan
Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 /
POC / TA / 07

Pembelian Alat-alat
Kelengkapan Dewan
Gerak Badan Regimen
Pasukan Khas ABDB
(Fasa 3)

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu sebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu Selasa,
8 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 April 2025.
2.00 Petang.


**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Catuan Makanan
Bulanan Secara Berkontrak
Selama Satu (1) Tahun Untuk
Cawangan dan Pos-Pos Kawalan,
Jabatan Kastam dan Eksais
Diraja,
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL /
Q / 2024-38

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Selasa,
25 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari


**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUSB / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan
dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
bagi Sekolah Agama Sungai
Besar.

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPMNB / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan
dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
bagi Sekolah Agama Pengiran
Anak Puteri Majeedah Nuurul
Bolkiah.

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUL / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan dan
Pembersihan Bangunan


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0064 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
To Provide and Deliver Leadership
Training Inclusive of Refreshments
and Training Venue

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00


KEMENTERIAN KESIHATAN

Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 46 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical
Consumables Item For The State
Medical Store For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 47 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical
Consumables Item (Surgical
Dressings) For The State Medical
Store For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran: BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 49 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Eye



(Housekeeping) Tempoh 24
Bulan Bagi Sekolah Agama
Lamunin.

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUP / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
bagi Sekolah Agama Penanjong.

**Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1446H-1447H /
2024M – 2025M**

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,

25 Ramadan 1446H /
26 Mac 2025M,
Jam 12.00 Tengah Hari.



(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
27 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.

Consumables Items (Acrysoft
Toric Posterior Intraocular
Chamber IOL) For Eye Centre,
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Hospital For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran: BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 50 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical
Consumables Of
Phacoemulsification System For
Eye Centre At Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Hospital
For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran: BND100.00

Tarikh Tutup:
25 Mac 2025.

Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari



Pastikan tahap keselamatan sektor pengangkutan, alam siber terjamin dan selamat

>> Muka 2

Seterusnya, pemeriksaan bas-bas awam juga telah dijalankan pada 6 hingga 9 Januari 2025 di JPD. Hasil daripada perjumpaan dan pemeriksaan tersebut telah dibincangkan bersama dengan pihak pengusaha bas awam. Ini adalah bagi langkah lanjut dalam membaiki keadaan bas awam dan, jika gagal, tindakan akan diambil ke atas lesen dan permit bas awam tersebut.

Dalam sektor pengangkutan laut, NBD selaku negara ahli kepada Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) tidak terkecuali untuk melaksanakan penggunaan satu platform digital berpusat atau 'Maritime Single Window' (MSW) selaras dengan kehendak IMO secara mandatori sejak 1 Januari 2024. Ke arah pendigitalan tersebut, pihak MPABD telah merangka usaha pendigitalan perkhidmatan - perkhidmatan berkaitan melalui MSW yang didasarkan untuk dilaksanakan (*go-live*) pada bulan Mac 2025. Ini merupakan langkah ke arah mengintegrasikan semua urusan aktiviti perkapalan dan pelabuhan di NBD melalui sistem digital dengan menggunakan platform berkenaan.

Dengan adanya MSW, kita akan dapat mempercepatkan proses kemasukan dan pelepasan kapal, mempermudah permohonan lesen serta pendaftaran kapal dan perahu, sekali gus mengurangkan beban pentadbiran bagi pihak berkepentingan dalam sektor ini. Langkah ini memudahkan perniagaan dan meningkatkan kebolehpasaran perkhidmatan, yang akan membuka ruang kepada lebih banyak kerjasama dan peluang antara pelabuhan-pelabuhan tempatan serta antarabangsa. Selain itu, mematuhi piawaian antarabangsa serta menunjukkan kesediaan NBD untuk menyumbang dan bersaing dalam perdagangan global yang semakin mencabar.

Seterusnya, melalui kerjasama di antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan juga Infocom Federation Brunei Darussalam (IFB) telah berjaya menganjurkan Anugerah 'Asia Pacific ICT Alliance' Bagi Tahun 2024 (APICTA 2024) pada 4 hingga 7 Disember 2024.

Secara keseluruhan, Anugerah APICTA 2024 telah menerima sebanyak 263 penyertaan, iaitu pencapaian tertinggi sejak APICTA dimulakan pada tahun 2002, dengan sebanyak 211 produk dan 173 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Daripada keseluruhan penyertaan ini, jumlah penyertaan tertinggi adalah dalam Anugerah Teknologi di bawah Kategori Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dengan 17 penyertaan. Alhamdulillah, NBD telah menyertai sebanyak 35 penyertaan yang merangkumi 29 jenis produk dan melibatkan 25 buah pasukan yang mana negara kita telah memenangi sebanyak 11 anugerah yang terdiri daripada dua Pemenang, satu First Runner-Up, lima Second Runner-Up dan tiga Merit. Ini adalah pencapaian tertinggi bagi NBD sepanjang penglibatan di dalam Anugerah APICTA sejak tahun 2002.

Pertumbuhan Dan Pembangunan

Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian, fokus terakhir adalah berkaitan dengan Pertumbuhan dan Pembangunan (Growth and Development) bagi kedua-dua sektor di mana pelaksanaan terhadap inisiatif-inisiatif yang ada berdasarkan kepada matlamat Wawasan Brunei 2035, Pelan Induk yang sedia ada dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh yang dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian sektor tersebut.

Bermula dengan status pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 12, secara ringkas, dikongsikan bahawa :

- Enam projek adalah dalam status 'Rekabentuk' ;
- 10 projek berstatus 'Dalam Tawaran' ;
- Enam projek 'Dalam Pelaksanaan' ; dan
- Dua projek telah 'Siap' di dalam Defect Liability Period.

Projek-projek tersebut terdiri daripada enam projek infrastruktur dan digitalisasi di bawah JPD, sembilan projek penaiktarafan peralatan dan kemudahan di bawah Jabatan Penerbangan Awam, dua di bawah Jabatan Kajicuaa, lima projek di bawah Pusat E-Kerajaan (EGNC) yang meliputi penaiktarafan sistem dan memperkenalkan perkhidmatan digital, dan dua perhubung dengan sains dan teknologi serta *research*.

Berhubung dengan perkara ini, peramba / kaola / saya sukacita ingin memaklumkan bahawa MTIC bersama JPD juga akan mengusahakan satu lagi projek berkaitan dengan perkhidmatan bas awam iaitu 'Smart Transportation System' (STS) dengan berfokuskan kepada tiga objektif utama :

- Meningkatkan Pengalaman Penumpang (*Enhance Passenger Experience*);
- Meningkatkan Kecekapan Operasi (*Improve Operational Efficiency*);
- Memudahkan Pembayaran Tambang (*Facilitate Fare Payment Solutions*).

Tawaran bagi projek tersebut insyaaAllah akan dibukakan pada bulan Mac 2025 dan tutup pada Jun 2025.

Selain itu, JPD secara berterusan komited untuk melaksanakan pembaharuan dasar dan amalan ke arah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai khususnya dalam menambahbaik dan mengembangkan :

- Akses dan pilihan perkhidmatan secara dalam talian (*online*);
- Mengemaskini dan memodenkan peraturan-peraturan yang sedia ada secara berperingkat;
- Mempercepat proses penyampaian perkhidmatan; dan
- Mempertingkatkan ketelusan dan integriti perkhidmatan.

Dengan itu, satu projek bertajuk 'DriveBN' yang merupakan pemangkin utama kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan JPD kepada orang ramai juga turut dilaksanakan. Selain memantapkan lagi sistem pengurusan, pentadbiran dan kecekapan jabatan berkenaan, pelaksanaan projek ini membolehkan orang awam bertransaksi dengan perkhidmatan JPD secara dalam talian

(*online*) dan *end-to-end* dengan mudah dan cepat. Projek DriveBN ini akan dijalankan dalam dua fasa.

Fasa pertama melibatkan Sistem Pengangkutan Darat (SPD) yang sedia ada untuk dipindah (*migrate*) ke 'One Government Private Cloud' (OGPC) yang dijangka siap pada bulan Julai 2025. Manakala, fasa kedua yang melibatkan tender dan pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2027.

Bagi sektor pengangkutan laut, beberapa perkembangan dan kemajuan telah dilaksanakan melalui 'Service Industry Roadmap' (SIR), dengan penyelarasan bersama Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE). Pelan hala tuju ini menekankan peningkatan perdagangan maritim, logistik dan perkhidmatan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035. Tiga strategi utama yang digariskan dalam Roadmap berkenaan adalah berkait rapat dan sejajar dengan inisiatif MPABD iaitu :

- Mempromosi aktiviti-aktiviti High Value-Added melalui FDI dan GLCs (Promote High Value-Added Activities through FDI and GLCs);
- Menyediakan prasarana industri yang kondusif (Provide Conducive Industrial Infrastructure); dan
- Mempromosi urustadbir bagi menyokong perniagaan (Promote Business Supportive Governance).

Berhubung dengan itu, pihak MPABD telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya terus mengukuhkan kerjasama bersama negara-negara luar dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai 'The Recognition of Certificate [HR1] issued under the Provision of the International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping (STCW) for Seafarers, 1978'.

Di bawah sektor pengangkutan udara, dalam mengukuhkan rangkaian penerbangan pengangkutan udara, beberapa perkembangan baharu telah pun dilaksanakan yang sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mewujudkan ekonomi yang dinamik dan mampan. Penandatanganan Perjanjian Perkhidmatan - Perkhidmatan Udara ('Air Services Agreement' - ASA) di antara NBD dan Arab Saudi pada 23 Oktober 2024, yang telah dikemaskini (*updated*) dan dimodenkan (*modernized*).

Selain itu, pihak MTIC juga terus memberikan komitmen memperluaskan lagi jalinan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan di dalam negeri. Ini termasuk juga penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara MTIC dengan Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada 4 Julai 2024 bagi tujuan mengukuhkan dan menggalakkan lagi kerjasama antara kedua-dua belah pihak dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama terutama sekali dalam inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Beralih kepada perkembangan Transformasi Digital, Kementerian ini berpandukan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang menggariskan empat strategik teras utama iaitu Industry Digitalization, Thriving Digital Industry, Manpower and Talent Development dan Government

Digitalization telah merangka dan melaksanakan beberapa inisiatif dan tindakan iaitu :

1. 'National Information Hub' yang ditubuhkan bertujuan untuk menambahbaik dan memudahkan perkongsian data / maklumat di antara agensi-agensi kerajaan;

2. 'Digital Payment Hub' yang mana pelaksanaan *pilot project* telah selesai dijalankan pada suku ke-3 tahun 2024 (Q3 2024). 'Digital Payment Hub' ini akan membolehkan pengguna membuat pemindahan wang (*fund transfers*) dan pembayaran digital dengan lebih mudah dan cepat melalui pelbagai sistem pembayaran sedia ada. Sistem ini antaranya akan merangkumi ciri-ciri seperti :

- Pemindahan Dana Segera (Instant Fund Transfer);
- Interoperability between Participants;
- Settlement via Central Bank Money using Real-Time Gross Settlement (RTGS).

Platform ini juga akan meneroka bagi pelaksanaan pembayaran rentas sempadan (bagi transaksi outbound sahaja sebagai permulaan) dengan Bank Negara Malaysia menjelang suku ketiga tahun 2025.

3. 'Digital Identity' yang berfungsi sebagai sistem log-masuk melalui 'Single Credential' yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang disahkan dan dipercayai untuk semua perkhidmatan kerajaan. Ia juga dirancang untuk diperluaskan penggunaan Digital ID ini kepada sektor swasta.

Mengenai usaha-usaha ke arah Pendigitalan Kerajaan atau 'Government Digitalization', beberapa perkembangan terkini yang ke arah inisiatif berkenaan adalah :

- Perkhidmatan dalam talian (Online Services) yang pada masa ini sebanyak 21 Aplikasi Mudah-Alih Kerajaan (Government Mobile Applications) yang memberikan pelbagai perkhidmatan-perkhidmatan.

- Perkhidmatan melalui akaun E-Darussalam yang membolehkan orang ramai mengakses maklumat kerajaan dan perkhidmatan dalam talian pada bila-bila masa yang mana setakat Disember 2024 telah mencatatkan seramai 203,255 pengguna aktif.

Akhir sekali, berhubung dengan transformasi Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), pada peringkat ini, peramba / kaola / saya ingin mengongsikan bahawa aktiviti transformasi sedang giat dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa faktor seperti 'Sustainability Model', Pengurusan Hal E-hwal Sumber Tenaga Manusia dan juga 'Asset Transfer'. Untuk makluman, Pelan Komunikasi juga telah pun dilaksanakan iaitu sesi pembarigaan bersama semua pegawai dan kakitangan telah selesai dijalankan melalui sesi muzakarah dan juga sesi *one-to-one* bagi mengongsikan kemudahan dan manfaat daripada hasil pengkorporatan jabatan tersebut.

Pada masa ini, persediaan sedang dibuat untuk Fasa Ketiga iaitu 'Townhall' untuk memaklumkan kepada kesemua pegawai dan kakitangan JPP mengenai tarikh 'Go-Live' iaitu tarikh peralihan operasi dari JPP kepada PosBru. Selain itu, usaha-usaha lain seperti pengurusan aset-aset, penyediaan perjanjian-perjanjian dan sebagainya juga sedang dijalankan, dengan usaha sama dari MTIC, Pejabat Peguam Negara, Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan Syarikat PosBru Sdn. Bhd.

Pengkorporatan JPP ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi keupayaan PosBru untuk mengembangmajukan lagi industri pos di negara ini supaya lebih efisien, berdaya saing, responsif kepada kehendak pelanggan dan bertaraf antarabangsa. Pengkorporatan JPP ini juga diharap akan dapat memberi ruang kepada perkhidmatan - perkhidmatan baharu yang lebih dinamik dan fleksibel.

Kesimpulan

Menjelang Wawasan Brunei 2035, yang mana hanya tinggal masa 10 tahun sahaja lagi, kementerian ini tentunya menitikberatkan akan usaha-usaha pelaksanaan yang dilakukan adalah sejajar dengan peranan dan bidang tanggungjawab di bawah MTIC dan juga jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya. Selaras dengan itu juga, Kementerian ini telah pun membuat pengemaskinian terhadap KPI-KPI Kebangsaan melalui beberapa siri perbincangan yang mana akan menjadi panduan dalam merangka Pelan Strategik kementerian yang baharu bagi tempoh lima tahun akan datang. Pelan Strategik yang baharu ini akan menumpukan kepada beberapa cadangan fokus utama seperti *emerging technology, customer centric, operational excellence*, menjana peluang pekerjaan dan isu-isu *sustainability* bagi sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

Berhubung dengan itu, peramba / kaola / saya seterusnya mengalu-alukan sebarang pandangan, cadangan dan apa jua idea baharu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha untuk penambahbaikan dan memantapkan lagi Pelan Strategik tersebut. MTIC akan sentiasa memastikan sebarang perancangan, strategi, perkara dasar dan juga inisiatif akan terus diteliti bersama pihak-pihak berkepentingan secara pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation supaya ianya kekal relevan dengan visi MTIC dan seterusnya menyumbang kepada aspirasi-aspirasi serta matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Akhir sekali, peramba / kaola / saya sekali lagi ingin menyampaikan junjung kasih dan berbilang-banyak terima kasih di atas perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang sesi perjumpaan. Ini mencerminkan kesungguhan dan keikhlasan Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih-lebih lagi pucuk pimpinan tertinggi dalam memberikan komitmen dan keprihatinan demi manfaat dan kesejahteraan rakyat dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu sistem pengurusan dan perkhidmatan kerajaan.

Peramba / Kaola / Saya memohon maaf di atas sebarang kekurangan atau sorok langkah di Sesi Perjumpaan Muhibah ini. InsyaaAllah, pihak MTIC dengan hati terbuka akan menerima apa jua maklum balas atau sebarang pertanyaan serta cadangan-cadangan baik yang boleh kita sama-sama fikirkan bagi kebaikan rakyat dan negara bersama.

Sekian.

Wabillahitaufiq Wal hidayah
Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.

HARGAI, RAIKAN PENCAPAIAN WANITA

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Kehadiran para jemputan mencerminkan solidariti dalam memperkukuh peranan wanita dalam kemajuan negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dari Pesatuan Pertiwi, MWNB.

Kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak, selaku Pengerusi Majlis.

Acara diteruskan dengan bacaan Tahlil yang dipimpin oleh Dayang Hajah Fatimah, diikuti dengan Doa Kesyukuruan yang dibacakan oleh Dayang Zeliha binti

Haji Mohamad Ali dari Pesatuan Pertiwi.

Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar dari Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei.

Majlis diteruskan dengan sesi tazkirah bertajuk 'Peranan Wanita dalam Membantu Pembangunan Negara' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Nurhikmah binti Haji Idris.

Antara inti pati tazkirah adalah Islam menempatkan martabat wanita pada kedudukan yang sangat tinggi, baik sebagai anak, isteri, mahupun ibu.

Seorang anak perempuan yang solehah dapat menjadi perisai bagi

kedua ibu bapanya daripada api neraka, terutama jika dibesarkan dengan akhlak dan agama yang baik. Sebagai isteri, wanita yang solehah adalah kebahagiaan bagi suaminya, mentaati dan menjaga kehormatan rumah tangga, sehingga menjadi sebahagian daripada syurga di dunia.

Sebagai ibu, wanita memiliki keutamaan tiga kali lebih tinggi daripada ayah kerana perannya dalam mengandung, melahirkan, dan menyusui. Dalam masyarakat dan negara, wanita berperanan besar dalam melahirkan generasi hebat, membina rumah tangga yang harmonis, serta menerapkan iman dan takwa. Solusi untuk menjadi wanita unggul adalah dengan beriman dan bertakwa, bersikap mandiri, bersyukur, bijak membahagikan masa, serta berusaha menjadi wanita solehah yang membentuk keluarga yang diredai Allah.

Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac setiap tahun merupakan satu detik penting dalam mengiktiraf sumbangan serta pencapaian wanita dalam pelbagai bidang. Tahun 2025 menandakan kali ke-12 Negara Brunei Darussalam meraikan sambutan ini dengan bertepatan 'Untuk SEMUA Wanita dan Gadis: Hak Kesamarataan, Pemerikasaan'.

Secara kesimpulannya, tema ini menekankan kesamarataan, perlindungan dan pemerikasaan, khususnya bagi wanita dan gadis, agar mereka dapat menjadi agen perubahan yang positif dalam masyarakat dan seterusnya negara.

Majlis Kesyukuruan ini bukan



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuruan (Khas Wanita) yang berlangsung di Kompleks Sukan Jerudong.

sahaja menjadi wadah untuk memperingati pencapaian wanita tetapi juga sebagai platform bagi memperkukuh kesedaran dan sokongan terhadap usaha pemerikasaan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan.

Diharapkan, sambutan ini terus menjadi inspirasi kepada semua wanita untuk terus maju dan berdaya saing dalam membentuk masa depan yang lebih cerah.

Majlis turut diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan berupa barangan keperluan asas dari JAPEM beserta sumbangan tajaan daripada Persatuan Membangun Wanita dan Masyarakat (MAWAR) berbentuk voucher kepada enam orang penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan.

Turut hadir ialah Setiausaha

Tetap Kemasyarakatan dan Timbalan Setiausaha Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.



TAKZIRAH disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



Tadabbur Surah Al-Baqarah serikan Munajat Ramadan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Demikianlah antara huraian inti sari dan pengajaran ayat daripada Tadabbur Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 183 hingga ayat 185 yang disampaikan oleh Pengerusi Lajnah Tarbiyah dan Da'wah, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Awang Muhammad Jalaluddin bin Junaidi dari Masjid Ash-Shaliheen bagi menyirikan Munajat Ramadan pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Acara munajat petang tadi anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-176 dengan kerjasama Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Al-Azhar Al-Syarif Sedunia 1446 Hijrah dan diadakan secara dalam talian.

Munajat Ramadan petang tadi mengundang tetamu khas, Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Ash-Shaliheen.

Turut menyemarakkan Munajat Ramadan ialah Ahli-ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, tenaga akademik dan para penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) dari Republik Arab Mesir.

Juga hadir, Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah daripada beberapa buah masjid termasuk

surau dan balai ibadat di negara ini serta warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya dan juga individu yang turut serta secara dalam talian.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Ar-Rahman beramai-ramai dipimpin oleh pelajar Tahun 1, Ma'had Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir, Awang Muhammad Faaiz bin Fisol dari Surau Darussalam, Republik Arab Mesir.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Naib Ra'es I, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dari Masjid Ash-Shaliheen.

Selepas Tadabbur Al-Quran, diteruskan dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Unit Agama dan Akhlak, Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir Sesi 2024 / 2025, Awang Ahmad Nasyaruddin bin Haji Abdul Rahim dari Surau Darussalam, Republik Arab Mesir.

Diikuti Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Imam Tingkat I, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Latif bin Haji Zaini dari Masjid Kampung Tanjong Maya, Tutong.

Munajat Ramadan anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah pada bulan Ramadan ini dan meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat




MUNAJAT Ramadan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-176 dengan kerjasama Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Al-Azhar Al-Syarif Sedunia 1446 Hijrah dan diadakan secara dalam talian.

suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada

segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Semoga dengan amalan ibadah yang dikerjakan pada bulan Ramadan ini, kehidupan kita dan NBD diberkati. Orang ramai

dialu-alukan menyertai bersama Munajat Ramadan pada Sabtu bermula pukul 1.00 petang di sepanjang bulan Ramadan ini melalui aplikasi Microsoft Teams di pautan <http://tiny.cc/munajatkheu>.



IMBASAN MINGGUAN



◀ **SUASANA** Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman, di sini. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



▲ **SEBAHAGIAN** yang hadir pada Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi menyemarakkan malam Ramadan di masjid, surau, balai ibadat di seluruh negara. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



◀ **PENYERAHAN** derma kepada anak-anak yatim Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi membantu menambah kegembiraan anak-anak yatim di seluruh negara menjelang ketibaan bulan Syawal tahun ini. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



▲ **SEBAHAGIAN** para pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) semasa hadir menyertai Jerayawara Kenali ASEAN. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

◀ **SOKONG** membeli barangan buatan negara sendiri amat ditekankan di dalam sama-sama membantu ekonomi negara dan pengaliran mata wang dalam negara sendiri. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

JPM MENERUSKAN TADARUS DI MASJID PEKAN SERIA



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

SERIA, Sabtu, 8 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini meneruskan lagi Majlis Tadarus yang berlangsung di Masjid Pekan Setia, Daerah Belait.

Majlis Tadarus buat kali kedua ini dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan

Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pekan Setia, Daerah Belait.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah. Turut hadir,

Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Tadarus Al-Quran bermula daripada Juzuk 10, Surah Al-Anfal yang dipimpin oleh ketua rombongan majlis. Majlis diteruskan lagi dengan



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku ketua rombongan pada Majlis Tadarus yang berlangsung di Masjid Pekan Setia, Daerah Belait dan seterusnya menyampaikan sumbangan wakaf kepada Ketua Imam Masjid Pekan Setia (kiri dan atas).

penyampaian sumbangan wakaf berupa barang keperluan masjid yang disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM kepada Ketua Imam Masjid Pekan Setia, Awang Haji Aminorddin bin Haji Md. Yussof.

Majlis diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah. Majlis Tadarus yang ketiga bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya akan diadakan pada Rabu, 11 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan dengan 12 Mac 2025 Masihi.

Majlis keagamaan ini

merupakan salah satu aktiviti tahunan JPM sempena bulan Ramadan yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi serta mengukuhkan hubungan persaudaraan antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk-penduduk kampung.

ia juga bertujuan untuk menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Masjid Serdang bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Mac. - Masjid Serdang melalui Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Serdang mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Azim.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh yang juga Ketua Kampung Subok.

Turut Hadir, Penaung Masjid Serdang, Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid; Pegawai Pemantau Zon 4, Masjid Daerah Brunei dan

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar; Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; pegawai-pegawai masjid, AJKT, belia-belia masjid, para jemaah dan penduduk kampung sekitar Masjid Serdang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid Serdang, Awang Haji Muhd. Syarif Waliyuddin bin Jemain.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti tahunan takmir yang dikendalikan oleh Masjid Serdang sempena Ramadan bagi menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan yang mulia ini.

Di samping itu, bagi memupuk dan mengeratkan silaturahmi dalam kalangan pegawai-pegawai masjid, AJKT, belia-belia, para jemaah dan penduduk kampung.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bersatu Mencapai Cita Negara.' Tarikh Tutup : 12 Mac 2025
2. 'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana.' Tarikh Tutup : 19 Mac 2025
3. 'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa.' Tarikh Tutup : 26 Mac 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

سوره عمي

لقسانكن عباده فواس دغن سمفورنا

جماعه يغ درحمي الله،

يرتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كيلمانن كقدن. سسغوكهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيبي الله ﷺ ايت ايله اورغ يغ فالينغ يرتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ براوله كحيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، كيت برشكور كحضرة الله ﷺ كران دفنجهن عمور دان دبري كسمقن برغو لاكي دغن بولن رمضان. بولن رمضان مروفاكن بولن يغ فدن تردافت ليمقهن بركت دان رحمة. سكل ماجم كليهن دان كباچيقن تركومقول دان دليفتكنداكن كنجرنن دبولن يغ سوجي لاكي مليا اين.

والاو فون كيت سنتياس دتونوت سوفي منيغكتكن عمل عباده فد ستياف ماس، نامون رمضان مروفاكن بولن يغ ساغت استيموا دان وقتو يغ تربايك اونتوق ملبفتكنداكن عمالن يغ بياس كيت كرجاكن دبولن-بولن يغ لايين. ملك الفكه روكن ساورغ مسلم ايت جك دي تيدق مريوت سكل كليهن دان كباچيقن يغ تردافت دالم بولن رمضان، يغ هان حاضر سناهن سكالتي ايت.

دالم متونين عباده فواس، تردافت سبيلغن اورغ اسلام يغ كورغ فكا تنتغ حكوم-حكوم فواس اين دان متونين هان كران مغيكوت كيباسان تنقا مغيراوكن دان مغهوي فركارا-فركارا فنتيغ سقرتي روكون فواس، شرط- شرط واجب فواس، شرط- شرط صح فواس، وقتو-وقتو برقواس، فركارا- فركارا يغ بمطلكن فواس، فركارا-فركارا سنة دالم برقواس، اداك كتيك برقواس دان سباكايين، كران اونتوق منجادي كسمفورنان عباده فواس ايت كيت دتونوت اونتوق مغهوي دان مهمي تنتغ فركارا-فركارا يغ بركاين دغن فواس اين. كيت تيدق ماهو فواس يغ كيت تونين هان منداقت لافر دان داهك سمات-مات. درفد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبدا: رَبُّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَرَبُّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهْرُ.

مقصودن:

براف راماي اورغ يغ برقواس تيدق منداقتن فهلان سلاين لافر، دان براف راماي اورغ يغ سمبيغ مالم تيدق منداقتن فهلا سلاين برجاك سفتنج مالم. {حديث رواية امام ابن ماجه}

جماعه يغ درحمي الله،

باكي منجادي كسمفورنان عباده فواس، اورغ يغ برقواس ايت اداله دتونوت اونتوق منيغكتكن فركارا-فركارا كحي دان سبا-سبا يغ بولي مروسقن عباده فواس سقرتي بردوستا، مغومت، برنته-برنتهن، برتغكر، مغجي اتاو منجلا، ملاكوكن فتنه اتاو مغادو دومبا، ممدغ سسواتو دغن شهوة، بركات سبا-سبا دان ساومقامان. مغهيندري فركارا-فركارا اين سرسيه-برسيهن موغكين سوليت باكي سستغه اورغ، ملك سوقو كيت ترلنجور، سكراله موهون كامشون كهد الله ﷺ، سوك انجانن سباكيمان حديث تادي داغكات اوله الله ﷺ كران كيت برتوبه.

سلاين دري مغهيندري فركارا-فركارا يغ مروسقن عباده فواس، كيت جوك دكالفكن اونتوق ملاكوكن سبايق يغ موغكين عمالن-عمالن سنة انتاران عملن برسحور. علماء سفاكت مغاتكن بهاوا حكوم ماكن سحور اداله سنة. سحور بوكن ساج ميريكن تناك اونتوق كيت برقواس دسباغ هاري ماله اي جوك مغاندوغي كيركن. درفد انس بن مالك رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبدا: تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السُّحُورِ بَرَكَةً.

مقصودن:

برسحورله كامو، سسغوكهن دالم سحور ايت مغفولاي بركت. {حديث رواية امام بخاري}

بكيو جوك قد مالم هاري دبولن رمضان، كيت دتونوت اونتوق مغهيدوقن مالم-مالم رمضان دغن عمالن-عمالن سنة سقرتي سمبيغ سنة تراويح، مغفرايقن مباح القرآن، سمبيغ تيجد دان برماج-ماجم لاكي. والاو باكيان فون، دالم كزوجان كيت مغفرايقن عمل عباده سام اد قد وقتو مالم اتاوقون سباغ، جاعثله سمي كيت مغايباين فركارا-فركارا اساسي سقرتي كرجا-كرجا فجابت.

جماعه يغ درحمي الله،

سسغوكهن عباده فواس ايت بولي ممنتوق كقواتن، قوات براوسها دان كراجين ددالم قربواتن ماهوقون فكرجان دان بوكن كلمهن، كمالسن دان السن اونتوق لاري دري تغكوغجواب. ميمغ تيدق دنافيكن بهاوا دغن برقواس سديكيت سبايق اكن مغورغكن تناك توبوه بادن كيت دسيبكن تيدق ماكن دان مينوم دسباغ هاري.

نامون بكيو، حال اين بوكتله مروفاكن السن اونتوق برسيفك تيدق فرودوقتيغ، برمالن-مالمسن دان مغهايبسكن ماس دغن بايق تيدور، ملاكوكن اكيويي-اكيويي يغ ملايايكن دان سبا-سبا سقرتي ملايري ملدا سوسيال سجارا برليهن، برماين "GAME" دان منتونن فروكرام هيورن سفتنج هاري

اكر تيدق تراس لتيه منجالي فواس. لواغكتله ماس اونتوق مغحياتي دان مغهيدوقن بولن رمضان دغن عمالن-عمالن يغ سفاتوتن دلاكوكن دبولن اين سقرتي نمبه دان ممفرتيغكتكن عمل عباده، مباح اية-اية سوجي القرآن، برذكر دان ممفرايقن دعاء كتيك برقواس كران رمضان ايت هان حاضر سباكاي تتامو، سكالتي دالم سناهن.

افيل رمضان تيبا، فارا فنياك اكن ممبيل فلوغ اونتوق منداقتن فنداقتن يغ ليه. اسلام تيدق ملاغ اومتن براوسها منجاري رزقي، بهكن مغالككن اومتن منجوري بيدغ فرنياكان.

نامون ايغنه، ددالن فرنياكان اد اداك دان باتس-باتسن. جاجن كران برنياك دان ايغين منداقتن كاوتوغن ليه، سساورغ يغ سداغ برقواس ملاكوكن كسلافن سقرتي منيغكتكن سمبيغ دسيبكن ترالو سيبوق، برجاكف بوهورغ اتاو منيفو دمي ملايسكن بارغ جوالن.

جماعه يغ درحمي الله،

سسغوكهن عباده فواس دبولن رمضان مروفاكن سالا ساتو روكون اسلام يغ واجب دتونين، اومت اسلام هندقله منجاك دان لمبهارا كسمفورنانن اكر دريما الله ﷺ. اوليه ايت، اومت اسلام يغ برقواس هندقله سنتياس براوسها اونتوق منداقتن كسمفورنان اين دغن مغهيندري دان مغايقن ديري درفد ملاكوكن سباغ كسلفن اتاو كسلافن يغ بولي منجاقتن عباده فواس ترسيوت.

اخيرن، موده-مودهن عباده فواس يغ كيت كرجاكن دسفتنج بولن رمضان اين دريما دان منداقت كنجرن درفد الله ﷺ دان سموك كيت تيدق تركولوغ دالم كولوغن اورغ برقواس يغ هان منداقت لافر دان داهك سهاج. آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

دان سسياف يغ مغهيندي (كهاكياي هيدوف) اخيرة دان براوسها (مغراكن عمل كباچيقن) اونتوق (توجوان) ايت دغن اوسها يغ برسوغوكه-سسغوكه سداغ دي برلمان ملك مريك ايتله يغ اوسها مريك دكورنياكن كنجرن يغ بايك (دبري فهلا). {سورة الإسراء آية: ١٩}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



البتاني ايتليك دالم استرونومي دان تريكونومي تري

Oleh : Adibah Batrisyia binti Husairi dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie bin Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah

مپومبغ سچارا سيگنيفيكن كقد فركمبغن استرونومي دان ماتماتيكن دسلوروه دنيا. دالم بيدغ استرونومي ، بوكون ، كتاب الزيج الصاي ، يغ دترجمهكن كدالم بهاس لاتين قد ابد ك-١٢ ، منجادي رجوعن اوتام داونيورسيستي-اونيورسيستي ايروقه سلاما برباد-ابد. كاريا بلياو ممشاروهي راماي سرجان ، ترماسوق كوبرنيكوس دان غاليليو ، سهيفك بلياو دكلر سباكاي بطليموس عرب.

سومبغن البتاني دالم تريكونومي تري تورت ممبري ايمفك بسر دالم كهيدوفن مودن. فوغسي كوسينوس دكوناكن بوكن سهاج دالم فمبلاجرن دبيليق درجه ، تئافي جوك دالم افليكسي دنيا سبئر سفرتي فغيران كلومبغ راديو ، راملن فاشغ سوروت دان اروس ايليكتريك. دالم اسهيك فنجاكاهن كصيحتن ، فوغسي كوسينوس دكوناكن دالم تيكنيك فغيميجن فراوبتن سفرتي MRI دان CT scan اونتوق مغاناليسيس اشارت ايليكترومگنيت توبوه ماعنسي دان مپنتو دياكنوسيس فلباكاي فپاكت.

والاوقون البتاني ممبريكن سومبغن بسر دالم بيدغ استرونومي ، سفرتي فغيران ماس ، دان ماتماتيكن ، خصوصن تريكونومي تري ، كاريا بلياو سماكين دلوقاكن سايريق وقتو ، مپبكن سومبغن بسرث سماكين ترهاكيس دالم ليفتن سجاره.

الزيج الصاي. بلياو جوك مگكاتالوكن فتموان بلياو ٤٨٩ بينتغ. سلاين ايت ، البتاني جوك منموكن بهاوا فركرقن فلانيت ٢ اداله بريذا انتارا ساتو سام لايين دان برجاي مغمكر وقتو برلاكون گرهان دان فينومينا. الت استرونومي يغ دكوناكن البتاني دالم مغيرا فتموانث ايت اياله استرولاب ، سفرتي يغ اد دفاميركن دكالري ٨ ، استرونومي دبلاي خزانه اسلام سلطان حاج حسن البلقيه.

سمنتارا ايت ، دالم بيدغ ماتماتيكن ، البتاني بايق مپومبغ دالم علمو تريكونومي تري ، انتاراث مگكتيكن سيستم تريكونومي تري كود يوناني دغن سيستم كوسينوس ، يغ كيني منجادي كونسيف اساس دالم تريكونومي تري. فوغسي كوسينوس ، يغ سروفاه دغن فوغسي سينوس ، مروجوع كقد سيسي برسبلهن سگيتيك دان بوكن سيسي برنتنغن. البتاني تورت مپوسون جدوال تريكونومي تري لفكف يغ مگكابوغيكن نيلاي سينوس دان كوسينوس ، موجودكن سيستم لبه كومفريهنيسف اونتوق مپلساين مسئله گيوميتري دان استرونومي. اينوواسي سيستم كوسينوس اين تله ممودهكن فغيران تريكونومي تري دان مپومبغ كقد كماجوان فست دالم بيدغ ترسبوت ، ترماسوق استرونومي.

سچارا تيدق لغسوغ ، البتاني

القران تركنل سباكاي فمبه بينتغ. نامون ، البتاني تيدق مغانوت اكام نينيق مويغ دان لبه مميليه اونتوق مملوق اكام اسلام. كچندروغن بلياو دالم بيدغ استرونومي بركموغيكنن دسببكن اوليه فكتور لائر بلاكغ كلوارك بلياو. كتيك ديواس ، بلياو تله برفينده كالرقة ، سوريا اونتوق ملنجوتكن فلاجرنن دان ممولانن كرجاين سباكاي ساورغ سرجان.

البتاني تربييت دالم بيدغ استرونومي سلاما لبه درقد ٤٠ تاهون. ساله ساتو فنجاقاين بلياو يغ تركنل اياله مپبتولكن فغيران بطليموس ، سرجان يغ هيدوف قد ابد كدوا ، ستله مگكاجي بوكو بطليموس مغمناي بيلغن سبئر تاهون سوريا ياييت فغيران ماس بومي مغلبيغي ماتاهاري دان منداقتي تاهون سوريا برجومله ٣٦٥ هاري ، ٥ جم ، ٤٦ مينيت دان ٢٤ ساعت. ماناكالا ، كيران بطليموس منداقتي تاهون سوريا اياله ٣٦٥ هاري ، ٥ جم ، ٥٥ مينيت دان ١٢ ساعت. دالم حال اين ، كيران البتاني لبه تفت دان مغممقيري كيران سبئر (كيران مودن) ياييت ٣٦٥ هاري ، ٥ جم ، ٤٨ مينيت دان ٢٢ ساعت.

البتاني تله منوليسكن فتموان بلياو مغمناي فغيران اين دالم بوكون ، كتاب

ماس اداله بهاكين فنتيغ دالم كهيدوفن ساورغ مسلم. منوروت القرضاوي ، سورة العصر مغممركن ماس سباكاي مودل تربايق ، تراينده دان فالبغ برهرك باكي ماعنسي. جوسترو ، اومت اسلام امت مپنتيغكن ماس ، يغ مپباوا كقد كلاهيرن راماي علمون ماهير دسلوروه دنيا اسلام دالم بيدغ خصوص اين.

ساله ساتو چونتوه علمون ماهير اين اياله البتاني. البتاني اداله ساورغ سرجان تركموك يغ تله ممبريكن ايمفك بسر دالم بيدغ استرونومي دان ماتماتيكن. نام فنهو بلياو اياله ابو عبد الله محمد بن جابر بن سنان الحراني البتاني. بلياو دلاهيركن قد تاهون ٨٥٨ م دحان ، توركي دان منيغكل قد تاهون ٩٢٩ م دقصر الجص (دكت سامراء) ، دمشق. بلياو جوك دكلي دنيا بارت سباكاي Albategnius. نامون ، بلياو فالبغ دكلي سباكاي باف تريكونومي تري.

البتاني دديديق اوليه ايهن ، جابر بن سنان الحراني ، يغ جوك ساورغ ساعينتيس دان فاكر دالم مپبوات الت استرونومي. كلوارك البتاني مروفاكن فغانوت اكام الصابئة ، ياييت سبواه كومونيتي اكام يغ دسبوت تيك كالي دالم



Memperkasa wanita, memajukan masyarakat

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP tahun pada 8 Mac, seluruh dunia akan memperingati Hari Wanita Antarabangsa (International Women's Day - IWD) sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan dan pencapaian wanita dalam pelbagai lapangan kehidupan. IWD bukanlah sesuatu yang baharu malah sebenarnya ia memiliki sejarah yang penuh makna. Pada 8 Mac 1911, IWD pertama kalinya diadakan sebagai tanda perjuangan global untuk kesetaraan dan juga hak-hak wanita.

IWD telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PPB) sejak tahun 1975 untuk memberi penghormatan kepada pencapaian wanita dalam pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi, budaya dan politik di seluruh dunia.

Matlamat

Seperti mana yang telah dikongsikan oleh Dayang Rafidah binti Haji Abdullah, Pemangku Pegawai Pembangunan Masyarakat Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) semasa temu bual beliau dalam segmen Rampai Pagu pada 5 Mac 2025, adapun matlamat atau tujuan IWD ini diadakan ialah pertama, bagi memperingati IWD dan sebagai penghargaan kepada kaum wanita di atas sumbangan mereka kepada keluarga, bangsa, agama dan negara.

IWD disambut setiap tahun sebagai satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan luar biasa yang telah diberikan oleh wanita dalam pelbagai aspek kehidupan wanita, ini juga memberikan peranan yang amat penting dalam keluarga, masyarakat dan negara. Wanita adalah sebagai tulang belakang dalam membentuk masyarakat yang harmoni seperti menjadi ibu yang mendidik anak-anak dengan nilai dan moral yang baik serta isteri yang menyokong suami dalam menghadapi cabaran hidup. Selain itu, wanita juga turut memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan negara sama ada dalam sektor pendidikan, perniagaan, kesihatan

mahupun bidang kepimpinan.

Dengan segala pengorbanan dan usaha yang tidak kelihatan, wanita memberikan impak yang besar dalam memperkasa keluarga, bangsa dan negara. Melalui sambutan ini, kita bukan sahaja memperingatkan diri kita akan sumbangan mereka tetapi juga memberi penghargaan kepada wanita di seluruh dunia atas segala usaha dan juga komitmen-komitmen mereka dalam membawa perubahan yang positif.

"Sambutan ini memberikan peluang untuk kitani menolong dan menghargai hak-hak wanita serta memperjuangkan kesetaraan dan pemerksaan (*empowerment*) wanita dalam aspek kehidupan," jelasnya.

Kedua, tujuan IWD ini diadakan adalah sebagai mempromosikan dan menyokong kaum wanita secara inklusif daripada segi fizikal, mental, kerohanian dan sosial. Ini bermaksud menyediakan persekitaran yang menyeluruh di mana wanita diberi peluang untuk berkembang secara seimbang dari segi fizikal, mental, kerohanian dan sosial kerana ia akan dapat membantu wanita dalam mencapai potensi mereka sepenuhnya dan membawa perubahan positif kepada diri mereka sendiri.

Selain itu, ia juga bagi meraikan kejayaan dan penglibatan wanita sebagai pembuat perubahan (*change makers*) di dalam pelbagai bidang seperti kepimpinan dan keusahawanan. Justeru, meraikan kejayaan wanita adalah langkah penting dalam memberi penghargaan terhadap pencapaian wanita kerana wanita mampu menunjukkan kemampuan yang luar biasa dalam memimpin dan menginspirasi perubahan serta mencipta peluang yang memberi impak yang baik kepada masyarakat.

Seterusnya, meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan wanita seperti isu keganasan rumah tangga ataupun penderaan terhadap wanita dan gadis. Ini adalah langkah penting dalam memastikan bahawa hak dan kesejahteraan wanita diberi perhatian yang sewajarnya di dalam semua

lapisan masyarakat yang melibatkan usaha untuk mendidik dan memberi maklumat kepada orang ramai mengenai cabaran yang dihadapi oleh wanita. Meningkatkan kesedaran ini juga bermaksud melibatkan perubahan sikap dan pemahaman dalam kalangan masyarakat kita tentang peranan wanita yang sebenar. Masyarakat perlu diberi kefahaman bahawa wanita bukan hanya bertanggungjawab dalam hal rumah tangga tetapi juga mempunyai potensi yang besar untuk menyumbang dalam pelbagai bidang seperti bidang pekerjaan, kepimpinan, teknologi, seni dan banyak lagi.

Secara keseluruhannya, meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai isu-isu wanita ini tidak hanya membantu wanita mendapat sokongan yang mereka perlukan tetapi juga mewujudkan masyarakat yang lebih berpengetahuan, sensitif dan juga peka terhadap isu-isu yang memberi kesan kepada kehidupan wanita.

Tujuan yang terakhir bagi sambutan IWD adalah sebagai galakan untuk terus berusaha ke arah masyarakat yang setara ataupun sama rata, di mana wanita diberi ruang dan peluang untuk menyumbang kepada Pembangunan negara.

Tema IWD 2025

Pada tahun ini tema sambutan IWD adalah 'Untuk SEMUA Wanita dan Gadis: Hak. Kesamarataan. Pemerksaan.' (For ALL Women and Girls: Rights. Equity. Empowerment).

Tema tersebut menggalakkan kita untuk berusaha dalam menyediakan peluang yang setara bagi hak, kuasa dan peluang kepada semua tanpa ada yang tercicir. Matlamat utama tema ini adalah untuk memperksakan wanita dan gadis dan menggalakkan mereka untuk menjadi agen perubahan yang positif dan berdaya maju dalam masyarakat. Tema ini juga memberi tumpuan kepada bidang utama iaitu hak, kesamarataan dan pemerksaan.

Pertama, memajukan hak wanita dan gadis bermaksud memberi perhatian atau meningkatkan hak asasi wanita dan gadis

secara menyeluruh iaitu terhadap hak-hak asas mereka seperti hak untuk mendapatkan pendidikan, hak untuk bekerja dan hak untuk hidup bebas daripada keganasan.

Kedua ialah mengenai mempromosikan kesamarataan yang bermaksud memberikan wanita dan gadis peluang yang ada serta sokongan yang diperlukan untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya tanpa sebarang halangan atau sekatan dalam aspek kehidupan.

Yang dimaksudkan dengan sokongan yang diperlukan untuk mencapai potensi sepenuhnya adalah contohnya seperti menyediakan kemudahan penjagaan anak di tempat kerja (*child care facilities at the workplace*). Dengan adanya kemudahan penjagaan anak, ia akan dapat lagi menyokong keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan peribadi.

Berkaitan dengan mempromosikan kesamarataan ini, jika wanita dan gadis diberikan hak untuk mengejar impian dan potensi mereka, ia mampu memperksa mereka untuk menjadi pemimpin ataupun pembuat perubahan (*change makers*) yang memberi manfaat kepada komuniti dan negara.

Terakhir, mengenai pemerksaan (*empowerment*) bermaksud memberi wanita dan gadis keyakinan atau mewujudkan ruang di mana mereka dapat membuat perubahan dan memberikan sumbangan yang bermakna dalam komuniti termasuk memberikan mereka peluang untuk mengambil inisiatif dalam mencipta idea baharu ataupun inovasi terlibat dalam penyelesaian masalah dalam masyarakat dan juga memainkan peranan utama dalam merangka dasar ataupun program yang memberi manfaat kepada orang ramai.

Pemerksaan ini melibatkan langkah - langkah untuk memastikan mereka bukan sahaja mempunyai hak yang sama tetapi juga mendapat sokongan untuk berkembang dan berjaya.

Oleh itu, marilah kita semua berganding bahu dalam memperjuangkan hak, maruah dan kesejahteraan wanita demi masyarakat yang lebih harmoni dan berdaya saing.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN ADAKAN MAJLIS BERTADARUS

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SERASA, Sabtu, 8 Mac. - Bagi menyemarakkan bulan Ramadan dan memohon keberkatan, keredaan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Khas dan Pusat Keusahawanan Inovasi telah mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Kampung Perpindahan Serasa.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan,

Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, diikuti dengan penyampaian sumbangan wakaf daripada Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Imam Tingkat III, Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Awang Mohd. Amirul Rahmad bin Haji Mohammad.

Selepas itu, acara diikuti dengan Majlis Bertadarus dan diakhiri dengan bacaan doa bagi memberkati majlis yang juga diketuai oleh Awang Mohd. Amirul

Rahmad.

Majlis merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya sebagai wadah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan, memperbanyakkan amal ibadah, serta mengeratkan silaturahmi dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Naib-naib Canselor, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, serta penduduk kampung sekitarnya.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyerahkan sumbangan wakaf kepada penerima.

Raih keberkatan bulan Ramadan dengan aktiviti berkebajikan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan sumbangan dan sedekah kepada anak-anak yatim pada majlis berkenaan.

TANAH JAMBU, Sabtu, 8 Mac. - Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Badan

Kebajikan Champion 7, Syarikat Minyak Brunei Shell baru-baru ini bekerjasama bagi melaksanakan Majlis Kasih Ramadan kali ke-4

bagi tahun 2025 yang diadakan bersempena dengan bulan Ramadan 1446.

Tumpuan majlis pada tahun ini ialah penyerahan sumbangan dan sedekah kepada seramai 25 orang anak yatim terdiri daripada anak-anak yatim daripada keluarga warga PPB, Champion 7 dan anak-anak yatim dari Kampung Salambigar.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyerahkan sumbangan dan sedekah kepada anak-anak yatim ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Derma juga turut disampaikan oleh Support Lead Champion, Syarikat Minyak Shell Brunei, Awang Haji Emran bin Haji Othman.

Majlis Kasih Ramadan mula diperkenalkan pada tahun 2019 yang mana objektifnya adalah sebagai wadah bagi warga PPB dan orang ramai untuk sama-sama meraih berkat di dalam bulan Ramadan.

Selain itu, projek ini juga diharap akan dapat mengeratkan lagi silaturahmi warga PPB dengan rakan-rakan strategik PPB yang ikut serta dalam menjayakan projek amal ini.

Pada tahun ini, warga PPB telah menyediakan sumbangan "Mini Hamper Kasih PPB" yang dicipta khas bagi setiap anak yatim yang dijemput sebagai cenderahati untuk dibawa pulang.

Antara kandungan "Mini Hamper Kasih PPB" tersebut adalah kek dan biskut hasil produk PPB sendiri dan juga makanan asasi daripada sumbangan daripada warga PPB dan orang-orang persendirian.

Majlis pada petang itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh imam PPB, Awang Muhamad Nabil bin Haji Ruslan dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menjelaskan majlis pada hari

itu fokus kepada satu tujuan iaitu memberikan sumbangan dan sedekah kepada anak-anak yatim. "Anak-anak ini adalah aset berharga dan masa depan negara yang harus kita pelihara dan kasih. Sumbangan yang diberikan adalah hasil daripada keprihatinan bersama semua pihak yang ingin melihat senyuman terpancar di wajah mereka, terutamanya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini," jelasnya.

Beliau juga berucap bulan Ramadan mengajar kita untuk saling membantu, merapatkan ukhuwah dan melipatgandakan kebaikan dan menzahirkan harapan agar majlis ini menjadi platform untuk kita terus menghayati semangat tersebut dan menjadikannya sebagai inspirasi dalam kehidupan kita seharian.

Acara diselenggarakan lagi dengan bacaan tahlil arwah dan kemudian acara berpuasa dan Solat Maghrib dan Solat Isyak serta Sembahyang Tarawih berjemaah.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Mahkamah Majistret mendapati dua penjawat awam iaitu Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Jonathan Kho Chiew Sen didapati tidak bersalah selepas perbicaraan bagi kesalahan di bawah Seksyen 6 Akta Pencegahan Rasuah, Bab 131 dan pertuduhan alternatif di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Pihak pendakwaan telah memfailkan notis rayuan terhadap pembebasan Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Jonathan Kho Chiew Sen.

Menurut pertuduhan, Haji Muhammad Suffian telah didakwa menerima rasuah sebuah kereta mewah Mercedes Benz C200 AMG Sports bernilai BND66,800 daripada Jonathan Kho Chiew Sen yang merupakan penolong ketua sebagai balasan untuk mendapatkan kenaikan pangkat sebagai Pemangku Ketua Berita dan Hal Ehwat Semasa di Radio Televisyen Brunei (RTB).

Pada 17 Julai 2014, Haji

2 penjawat awam bebas daripada pertuduhan rasuah

Muhammad Suffian, merupakan seorang Pengarah RTB manakala Jonathan Kho Chiew Sen adalah orang bawahan beliau. Dalam pertuduhan alternatif, Haji Muhammad Suffian telah memiliki kereta tersebut tanpa pertimbangan daripada orang bawahannya yang diketahui mempunyai hubungan dengan tugas rasmi beliau.

Jonathan Kho Chiew Sen didakwa telah membantu Haji Muhammad Suffian melakukan perbuatan itu dengan memberikan kereta tersebut. Jonathan Kho Chiew Sen dilantik sebagai Pemangku Ketua Berita dan Hal Ehwat Semasa antara tahun 2013 dan 2016. Jawatan tersebut diperbaharui setiap tiga bulan dan surat lantikan beliau telah ditandatangani oleh Haji Muhammad Suffian.

Biro Mencegah Rasuah (BMR) memulakan siasatan terhadap perkara ini pada tahun 2021 dan kedua-dua defendan kemudiannya didakwa di Mahkamah Majistret pada 11 April 2022. Pendakwaan memanggil enam saksi manakala defendan memberikan keterangan dan memanggil dua saksi.

Mahkamah mendengar bahawa pada 17 Julai 2014, Jonathan Kho Chiew Sen membayar sepenuhnya kereta tersebut secara tunai kepada pengedar

kereta dan mendaftarkannya atas nama Haji Muhammad Suffian.

Jonathan Kho Chiew Sen secara peribadi menyerahkan kereta tersebut sebagai kejutan kepada Haji Muhammad Suffian di rumahnya. Dakwaan mengenai membayar kereta tersebut adalah pinjaman tanpa faedah yang hanya wujud selepas pembelian dan penghantaran tersebut. Kedua-dua defendan menegaskan bahawa hubungan mereka hanya bersifat profesional.

Mahkamah menerima bahawa adalah munasabah bagi Jonathan Kho Chiew Sen untuk membayar terlebih dahulu bagi pihak Haji Muhammad Suffian bagi mengelakkan kenaikan harga pembelian yang tinggi akibat faedah pinjaman.

Ini memandangkan Jonathan Kho Chiew Sen berasal daripada keluarga mewah dan sebelum ini telah membeli kereta secara tunai. Mahkamah juga mengiktiraf sifat murah hati beliau terhadap rakan-rakan RTB seperti yang dibuktikan dengan sumbangan beliau kepada acara-acara pejabat dan menggunakan dana peribadi yang banyak untuk membantu rakan-rakannya serta RTB untuk tujuan yang berkaitan dengan kerja.

Oleh itu, pihak mahkamah mendapati bahawa pembelian

kereta tersebut untuk rakan sekerja bukan satu perkara yang asing. Walaupun tiada bayaran balik pernah dibuat, pihak mahkamah menerima bahawa adalah wajar untuk Jonathan Kho Chiew Sen mempercayai keupayaan Haji Muhammad Suffian untuk membayar balik jumlah tersebut secara sekali gus apabila beliau mempunyai dana yang mencukupi.

Memandangkan akses beliau kepada sumber peribadi atau keluarga, keterangan Jonathan Kho Chiew Sen bahawa beliau tidak memerlukan pembayaran semula dana tersebut dalam masa terdekat didapati boleh dipercayai.

Mahkamah mendapati pelantikan Jonathan Kho Chiew Sen sebagai Pemangku Ketua Berita adalah berdasarkan merit beliau dan selaras dengan peranan jangka panjang beliau dalam jawatan tersebut sebelum Haji Muhammad Suffian dilantik di RTB.

Mahkamah membuat kesimpulan bahawa tidak ada cadangan untuk Jonathan Kho Chiew Sen mempercayai beliau berisiko untuk tidak disambung dalam pelantikan tersebut yang boleh menyebabkan beliau terlibat dalam aktiviti rasuah dengan Haji Muhammad Suffian.

Berdasarkan kesimpulan keseluruhan yang dibuat, pihak

mahkamah membebaskan kedua-dua defendan daripada semua tuduhan tersebut. Defendan diwakili oleh Yusof Halim & Partners, Advocates & Solicitors.

BMR akan terus berusaha untuk mempertahankan kepercayaan orang ramai dan akauntabilitinya. BMR ingin mengingatkan orang ramai termasuk kakitangan kerajaan yang berkhidmat di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa pemberian atau penerimaan rasuah dalam apa-apa bentuk hadiah termasuk pinjaman yang berjumlah untuk memuaskan hati dan adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 6 Akta Pencegahan Rasuah yang boleh dikenakan denda sebanyak BND30,000 dan penjara selama tujuh tahun.

Ia juga adalah satu kesalahan di bawah bab 165 daripada Kanun Hukuman Jenayah bagi seseorang kakitangan kerajaan untuk menerima atau cuba mendapatkan apa-apa benda yang berharga tanpa atau dengan pertimbangan yang tidak memadai daripada mana-mana orang yang diketahui mempunyai kaitan dengan tugas rasmi, yang boleh dihukum penjara tidak melebihi tujuh tahun dan denda.

SAINTIS CHINA CAPAI KEJAYAAN BESAR DALAM TEKNOLOGI SEL SOLAR PEROVSKITE



SHANGHAI, 9 Mac. - Para saintis China mencapai kemajuan besar, dalam bidang sel solar perovskite, yang berpotensi membuka jalan untuk aplikasi perindustrian mereka yang meluas.

Sel solar perovskite, teknologi fotovoltaik generasi masa depan yang sangat menjanjikan, menjana elektrik seperti sel berasaskan silikon tradisional sambil menawarkan kelebihan yang berbeza seperti ultra nipis, fleksibel dan ringan. Ciri-ciri ini membolehkan penyepaduan ke dalam permukaan yang tidak konvensional seperti pakaian dan tingkap. Walau bagaimanapun, ketidakstabilan peranti ini kekal

sebagai penghalang utama kepada pengkomersialan.

Pasukan penyelidik dari Universiti Sains dan Teknologi China Timur yang berpangkalan di Shanghai, mencapai kejayaan besar dengan mengenal pasti mekanisme utama di sebalik ketidakstabilan ini.

Para penyelidik membangunkan peranti sel solar perovskite inovatif yang mampu beroperasi selama 3,670 jam yang belum pernah dicapai sebelumnya, menetapkan penanda aras baharu untuk ketahanan. Penyelidikan mereka baru-baru ini diterbitkan dalam jurnal Science.

Untuk menangani isu

kestabilan, para penyelidik memperkenalkan penyelesaian baharu : meletakkan bahan perovskit dalam sut pelindung yang diperbuat daripada graphene-polimer, bahan yang keras dan tahan lama. Pendekatan inovatif ini meningkatkan jangka hayat dan daya tahan bahan dengan ketara.

Para penyelidik juga mendedahkan bahawa mereka telah memulakan percubaan kolaboratif dengan rakan kongsi industri. Jika berjaya dihasilkan secara besar-besaran, teknologi ini boleh merevolusikan sektor tenaga, membolehkan inovasi yang mengintegrasikan penuaian

tenaga solar ke dalam kehidupan seharian. - ©XINHUA

Wanita dihormati setiap hari di Gaza, kata sukarelawan Perancis

PARIS/ISTANBUL, 8 Mac. - Wanita Palestin diberikan peranan utama dalam kehidupan, menurut Imane Maarifi, seorang jururawat Perancis berketurunan Maghribi, yang bercakap kepada Anadolu Ajansi (AA) mengenai kerja sukarelanya di Gaza.

"Penduduk Palestin mempunyai rasa hormat yang mendalam terhadap wanita. Wanita benar-benar menjadi tunjang kehidupan, dan anda dapat segera melihat bahawa mereka dibesarkan dalam budaya penuh penghormatan ini," kata Maarifi.

Beliau menggambarkan rasa kesaksamaan yang tidak dijangka, dengan menyatakan bahawa beliau sering menikmati hidangan yang disediakan oleh lelaki, di mana wanita diutamakan dalam penyajian, manakala lelaki hanya makan selepas itu, sekiranya masih ada makanan yang tinggal.

"Saya membayangkan mungkin sebuah negara dengan patriarki yang lebih dominan, tetapi yang

mengejutkan saya, itu tidak berlaku," katanya.

Maarifi turut memerhatikan pekerja wanita disediakan sebuah bilik yang dilengkapi bilik mandi, manakala rakan sekerja lelaki mereka hanya ditempatkan di bilik kosong.

"Ini adalah kali pertama saya di Palestin, dan sebagai pekerja kemanusiaan, saya disambut dengan penuh penghormatan," tambahnya.

Beliau menekankan bahawa wanita di Gaza menghadapi kesukaran untuk mendapatkan keperluan asas, seperti tuala wanita, manakala para ibu secara konsisten mengutamakan anak mereka dalam semua keadaan.

"Apa yang saya lihat dalam kalangan wanita di sana ialah para ibu yang tidak boleh mandi setiap hari kerana mereka lebih mengutamakan penggunaan air untuk memandikan anak mereka," katanya.

Beliau turut menekankan situasi

makanan yang kritikal di Gaza, di mana penggunaan nasi secara berterusan telah menyebabkan masalah pencernaan yang serius.

Maarifi menyatakan bahawa apabila para ibu mempunyai akses kepada makanan berasaskan serat dan makanan tambahan, mereka mengutamakan anak-anak mereka terlebih dahulu.

"Sudah tentu, seorang ibu sentiasa mempunyai naluri itu, tetapi di Gaza, di bawah genosid, ia menjadi lebih kuat. Mereka kehilangan sepenuhnya keutamaan peribadi mereka - satu-satunya keutamaan mereka ialah anak - anak mereka," tambahnya.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa wanita diraikan setiap hari di Gaza.

"Di Gaza, 8 Mac berlaku setiap hari. Wanita benar-benar dihormati setiap hari. Mungkin di Barat, kita harus belajar daripada mereka," kata Maarifi. - ©BERNAMA

Penangguhan bantuan AS kepada Ukraine langkah strategik dorong ke arah keamanan

KUALA LUMPUR, 8 Mac. - Keputusan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump baru-baru ini untuk menangguhkan bantuan ketenteraan negara itu kepada Ukraine telah menarik perhatian antarabangsa, dengan penganalisis melihatnya sebagai perubahan ketara dalam pendekatan Washington terhadap konflik yang sedang berlaku.

Penganalisis Keselamatan dan Hubungan Antarabangsa Universiti Malaya (UM) Collins Chong Yew Keat berkata langkah Trump itu dilihat sebagai sebahagian daripada strategi yang lebih luas untuk membuka jalan kepada rundingan damai sambil menyusun semula penglibatan AS dalam konflik global.

"Penangguhan bantuan ini adalah langkah strategik Trump untuk mendorong Kyiv ke meja rundingan," katanya dalam kenyataan bertulis kepada Bernama.

Menurut Chong, Trump juga mungkin mahu menghantar mesej yang kuat kepada Presiden Ukraine Volodymyr Zelensky dan Presiden Rusia Vladimir Putin bahawa beliau memiliki kelebihan

dalam menentukan hala tuju konflik itu.

Keputusan itu dibuat susulan perbincangan di Rumah Putih yang melibatkan Trump, Naib Presiden AS JD Vance dan Zelensky yang kemudiannya bertukar tegang. Trump dilaporkan menggesa perjanjian damai segera, namun pemimpin Ukraine itu tetap bertegas mahukan sokongan berterusan dari AS.

Penganalisis yang dipetik media antarabangsa berpendapat ketiadaan sokongan ketenteraan dan risikan AS boleh menjejaskan keupayaan operasi Ukraine.

"Bagi Zelensky, penangguhan bantuan itu akan memberi kesan besar terhadap keupayaan tempur Ukraine," kata Collins.

Pendekatan Trump menandakan perubahan daripada pentadbiran sebelumnya, dengan beliau menyatakan bahawa tanggungjawab kewangan bagi bantuan ketenteraan perlu dikaji semula.

Penangguhan bantuan itu mendapat reaksi daripada pemimpin Eropah, dengan Perdana Menteri Britain Keir Starmer mengadakan sidang

kemuncak tergepar di London bagi membincangkan bagaimana Eropah boleh menampung jurang yang ditinggalkan oleh Washington.

Kesatuan Eropah (EU) telah mengumumkan rancangan untuk menggerakkan perbelanjaan pertahanan sebanyak AS\$840 bilion, namun masih timbul persoalan mengenai keupayaan Eropah untuk mengekalkan usaha pertahanan Ukraine tanpa sokongan langsung AS.

Sementara itu, penglibatan diplomatik Trump dengan Rusia telah mencetuskan spekulasi mengenai kemungkinan perubahan dalam dasar luar AS. Putin dilaporkan menawarkan bantuan kepada Trump untuk merundingkan perjanjian nuklear dengan Iran.

"Trump sedang 'menghapuskan' norma selama beberapa dekad dan halangan yang telah menghadkan pilihan Washington sebelum ini, dan beliau memberi tumpuan untuk membetulkan apa yang dianggapnya sebagai kesilapan keputusan terdahulu," kata Collins. - ©BERNAMA

Indonesia pergiat usaha pembenihan awan untuk tangani bencana berkaitan hujan

JAKARTA, 9 Mac. - Agensi Pengurusan Bencana Negara (BNPB) Indonesia meningkatkan usaha pembenihan awan bagi menangani bencana berkaitan hujan di kawasan yang terdedah kepada banjir dan tanah runtuh.

Operasi itu melibatkan pesawat menabur natrium klorida (NaCl) dan kalsium oksida (CaO) bagi mengawal intensiti hujan yang sering mengancam penduduk ketika musim tengkujuh.

Jurucakap BNPB, Abdul Muhari dalam satu kenyataan berkata operasi itu berkesan dalam mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan hujan lebat yang melampau.

"Usaha ini menunjukkan kepentingan pengubahsuaian cuaca, dan kami akan terus menggunakan strategi sedemikian," katanya.

Antara 4 dan 8 Mac, BNPB dengan kerjasama Tentera Udara Indonesia serta Agensi Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) telah melaksanakan beberapa misi pembenihan awan.

Pada Jumaat lepas, operasi diteruskan dengan lima penerbangan, termasuk dua di perairan selatan Sukabumi yang masing-masing menabur 1,000 kilogram (kg) NaCl.

Penerbangan lain menabur 1,000kg CaO di Lembangan Sungai Citarum dan Sumedang, diikuti 1,000kg NaCl di Takungan Saguling serta 1,000kg NaCl di perairan utara Karawang.

Selepas operasi itu, Abdul Muhari mengesahkan bahawa hujan tidak turun di Jakarta dan kawasan sekitarnya, menunjukkan kejayaan pembenihan awan dalam mengurangkan intensiti hujan.

Susulan kejayaan itu, lapan lagi penerbangan dilaksanakan pada Sabtu bagi menyokong tindak balas bencana di Wilayah Jawa Barat, katanya.

Banjir baru-baru ini di kawasan metropolitan Indonesia, termasuk Jakarta, Bogor, Depok, Tangerang, Bekasi serta sebahagian Wilayah Banten, telah menjejaskan lebih 120,000 penduduk.

Hujan lebat menyebabkan sungai seperti Ciliwung dan Cikeas yang berpunca dari kawasan tanah tinggi Puncak di Bogor, Jawa Barat melimpah, mengakibatkan kawasan bandar dinaiki air sebelum mengalir ke Teluk Jakarta. - ©BERNAMA

Malaysia komited teruskan usaha pencarian MH370

PUTRAJAYA, 8 Mac. - Genap 11 tahun kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370, hari ini Malaysia menegaskan komitmen untuk meneruskan operasi pencarian pesawat MH370 bersandarkan petunjuk berwibawa, sekali gus memberikan jawapan yang diperlukan keluarga mangsa.

Kementerian Pengangkutan (MOT) dalam kenyataan memaklumkan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 13 Disember lepas, kerajaan bersetuju menerima cadangan Ocean Infinity (United Kingdom) bagi memulakan semula operasi pencarian di kawasan baharu seluas kira-kira 15,000 kilometer persegi di Selatan Lautan Hindi.

"Operasi ini akan dilaksanakan berdasarkan prinsip 'no find, no fee' yang bermaksud tiada sebarang pembayaran akan dibuat melainkan bangkai pesawat ditemukan.

Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meneruskan usaha pencarian bersandarkan petunjuk yang berwibawa demi menjejaki lokasi terakhir MH370, sekali gus memberikan jawapan yang amat diperlukan oleh waris keluarga mangsa," menurut kenyataan itu, MOT sedar akan perhatian awam yang tinggi terhadap usaha pencarian ini dan sedang giat memuktamadkan perjanjian pencarian baharu, selaras dengan prosedur kerajaan Malaysia.

MOT berkata United States National Transportation Safety Board (NTSB) dan Australian Transport Safety Bureau (ATSB) telah melantik wakil bertauliah bagi memberikan sokongan teknikal kepada misi ini.

"Kerajaan menghargai kerjasama erat dan bantuan daripada semua pihak yang terlibat dalam salah satu usaha pencarian paling kompleks dan mencabar dalam sejarah penerbangan," menurut kenyataan itu.

MOT berkata kerajaan menzahirkan simpati yang tidak terhingga kepada waris keluarga penumpang dan kru MH370.

"Meskipun masa terus berlalu, ia tidak mengurangkan rasa duka dan ketidakpastian kepada waris penumpang dan kru pesawat MH370. Usaha untuk mendapatkan jawapan masih diteruskan," menurut kenyataan itu.

Pada 8 Mac 2014, penerbangan itu berlepas dari Kuala Lumpur ke Beijing dengan membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, namun pesawat itu kemudiannya tidak dapat dikesan sehingga kini.

Usaha pencarian pertama Ocean Infinity, yang bermula pada Januari 2018 di kawasan seluas 25,000 kilometer persegi di selatan Lautan Hindi juga berakhir pada Jun 2018 tanpa hasil. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



BRUNEI DPMM FC, YOUNG LIONS TERIKAT SERI 1-1



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Tangkap Layar
Youtube Singapore Premier League

SINGAPURA, Sabtu, 8 Mac. - Brunei DPMM FC dan Young Lions terikat seri 1-1 pada Perlawanan Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Babak pertama perlawanan menyaksikan Young Lions menguasai permainan dengan membuat jaringan pertamanya

pada minit ke-26 melalui sepakan Danish Qayyum.

Bersambung pada babak kedua, perlawanan semakin sengit dengan kedua-dua pasukan terus berusaha membolosi gawang lawan masing-masing sehingga Brunei DPMM FC berjaya menggegarkan gawang Young Lions pada minit ke-78 melalui pemain importnya, Gabriel Gamma.

Kedua-dua pasukan terus membuat serangan bagi memburu gol kemenangan namun gagal memanfaatkan enam minit masa tambahan yang diberikan pada babak kedua berkenaan.

Keputusan perlawanan kekal 1-1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

ANTARA aksi para pemain dalam perlawanan sengit antara Brunei DPMM FC dan Young Lions (kiri dan kiri sekali).

Pasukan JIS cipta pencapaian luar biasa pada FOBISIA U13

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) baru-baru ini menyertai Sukan FOBISIA U13 di Pattana Sports Resort di Thailand bermula 22 Februari hingga 26 Februari 2025 yang lalu.

Sukan FOBISIA U13 menjemput pelajar dari sekolah Ahli FOBISIA di seluruh Asia untuk menyertai pertandingan sukan. Seramai 22 pelajar JIS mewakili sekolah berkenaan dalam sukan renang, bola keranjang, bola sepak dan olahraga.

Pasukan JIS mencapai kejayaan besar dengan memperoleh 103 pingat dalam semua sukan, yang tertinggi dicapai oleh Pasukan JIS. Tambahan pula, pasukan itu mencapai tempat pertama dalam semua Kejohanan Bola Sepak dan Bola Keranjang Lelaki, di samping dinobatkan sebagai Pemenang Keseluruhan dalam olahraga.

Atlet JIS mencipta sejarah dengan mencapai pelbagai rekod FOBISIA di semua sekolah yang mengambil bahagian. Pasukan Lari Berganti-ganti 4x100 meter

(m) Lelaki U13 - Ameer Abdul Muezz bin Mohamad Amiruddin, Muhammad Raees Akeem bin Rhyme, Jack Wu dan Udhaya Subbiah di mana mereka telah mencapai rekod baharu yang luar biasa dengan catatan masa 51.44.

Sementara itu, Danniell Chan mencatatkan dua rekod dalam Sukan Renang Lelaki U13, mencatatkan 1.05.89 yang mengagumkan dalam 100m Individual Medley (IM) dan 30.15 dalam 50m Backstroke.

"Saya amat berbangga dengan pasukan U13 kami dan pencapaian luar biasa mereka di Sukan FOBISIA. Kerja keras dan dedikasi mereka benar-benar terserlah. Dengan mencapai tempat pertama dalam pelbagai sukan adalah bukti bakat dan komitmen mereka," ulas Ketua Fakulti Pendidikan Jasmani dan Sukan di JIS.

"Sekalung tahniah kepada mereka yang telah mencipta rekod baharu. Pencapaian luar biasa ini menyerlahkan kemahiran dan keazaman luar biasa para atlet kami. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada jurulatih, atlet dan ibu



SEKITAR Sukan FOBISIA U13 di Pattana Sports Resort di Thailand bermula 22 Februari hingga 26 Februari 2025 yang lalu (atas dan kanan).

bapa yang mengembara atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Kejayaan ini tidak mungkin dicapai tanpa kerja berpasukan dan kerjasama yang kami lihat setiap langkah," tambahnya lagi.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

UNTUK SEMUA WANITA DAN GADIS: HAK. KESAMARATAAN. PEMERKASAAN